



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

**ADJOURNMENT OF THE HOUSE UNDER STANDING
ORDER 18—(MOTION):**

Pemberontakan di-Brunei [Col. 2663]

STATEMENT OF THE PRIME MINISTER:

Pemberontakan di-Brunei [Col. 2666]

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Sixth Allotted Day):

Head S. 14 [Col. 2684]

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Tuesday, 11th December, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).

- The Honourable ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).

The Honourable ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).

- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

- The Honourable the Minister of Labour and Social Welfare,
 ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
 „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
 „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
 „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
 „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
 „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
 „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
 „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
 „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
 „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT OF THE HOUSE UNDER STANDING ORDER 18— (MOTION)

Pemberontakan di-Brunei

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peratoran 18, saya bangun di-sini ia-lah kerana mengusulkan supaya di-tanggohkan meshuarat ini kerana membincangkan satu perkara yang mustahak yang di-tetapkan mengenai kepentingan orang ramai ia-itu perkara champor tangan Tanah Melayu atas pemberontakan di-Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada-lah barangkali Yang Berhormat Perdana Menteri akan membuat kenyataan juga di-atas perkara ini pada hari ini. Tetapi maksud kami bukan-lah sekadar hendak mendengar kenyataan² daripada Yang Berhormat Perdana Menteri itu tetapi ia-lah supaya perkara itu dapat di-bahathkan bagi mengambil pandangan² yang sa-wajar-nya daripada Ahli² Yang Berhormat Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kami perkara yang telah menjadi

satu perkara yang bagitu mustahak apabila mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hari ini telah menghantarkan kira² 150 orang Polis Hutan ka-Brunei kerana membantu Kerajaan Brunei menghapuskan pemberontakan negeri itu. Dan memang ada besar kemungkinan bahawa Kerajaan akan memberi berapa ramai lagi bantuan sa-rupa itu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada berita² akhbar yang di-siarkan pada hari ini dapat kita bacha dan kita dapat kesani bahawa ra'ayat di-dalam negeri Brunei itu telah memandang tidak perlu sa-kali terhadap langkah² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menghantar pasokan Polis Hutan dengan bantuan² senjata-nya sa-kali itu. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir boleh menimbulkan perasaan dendam di-dalam hati ra'ayat Brunei terhadap orang² Malaya atau tegas-nya pegawai² Melayu yang pada masa ini berkhidmat di-Brunei, ini membahayakan keselamatan pegawai kita itu sendiri. Dan, Tuan Yang di-Pertua, apabila keselamatan pegawai Tanah Melayu di-sana di-ancham ini sudah tentu merunsingkan dan membimbangkan semua keluarga mereka di-Tanah Melayu dan juga orang ramai di-Tanah Melayu.

Kami memandang juga mustahak perkara itu di-bahathkan ia-itu supaya apa-kah menghantar bantuan² Polis itu patut di-debatkan di-dalam Dewan ini, sa-kurang²-nya dapat memberikan satu keyakinan sa-kurang²-nya kepada famili² orang² yang di-hantar ka-Brunei itu bahawa khidmatan mereka di-sana sudah begitu perlu supaya sa-kurang²-nya sa-bagai saya katakan tadi, keluarga anggota² Pasokan Bersenjata yang di-hantar itu dapat berasa senang hati.

Tuan Yang di-Pertua, dengan di-bahathkan nanti masaalah ini kita dapat juga menerima pandangan Dewan ini sebab kalau benar² di-rasakan menghantar bantuan Pasokan Bersenjata dengan senjata² automatic dan sa-bagai-nya begitu perlu. Ya! kita boleh menghantar bantuan² lebeh banyak dari 150 orang. Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kami merasa mustahak masaalah ini di-debatkan di-dalam Dewan ini walau pun mengambil sedikit masa. Satu perutusan telah di-hantar baharu² ini di-atas nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Sultan Brunei yang menjanjikan persediaan Tanah Melayu ini hendak memberikan apa sahaja bantuan untuk menghapuskan pemberontakan di-sana itu. Dan dalam perutusan itu juga telah di-sebutkan bahawa ra'ayat negeri ini sedia memberikan sokongan kepada Kerajaan Brunei. Utusan seperti ini yang menyebutkan bahawa ra'ayat negeri ini bersedia membantu dan berjanji memberikan bantuan² itu patut-lah di-pertanggung-jawabkan lebeh dahulu di-dalam Dewan ini supaya dapat kita menentukan apa-kah kandungan perutusan² itu benar² dapat di-pertanggung-jawabkan oleh semua Ahli² Yang Berhormat Dewan ini.

Satu perkara lagi kami rasa mustahak perkara ini di-debatkan ia-lah kami sedar bahawa Yang Berhormat Perdana Menteri akan membuat kenyataan pagi ini tetapi alang-kah molek-nya kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Perdana Menteri dapat menanggohkan kenyataan-nya petang sekarang dan saya rasa Tuan Yang di-Pertua sendiri akan dapat memberi pertimbangan

yang begitu saksama di-atas permohonan saya ini. Itu-lah saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, kami akan menerima keputusan Tuan Yang di-Pertua dengan patoh dan kami perchaya sa-kurang²-nya Tuan Yang di-Pertua akan dapat memberikan jaminan bahawa kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri itu akan dapat di-perdebatkan dalam Dewan ini.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah meminta kebenaran dan menchadangkan penanggoahan Dewan ini, mengikut peratoran 18, membahathkan apa-kah patut Malaya champor tangan di-atas pemberontakan di-Brunei. Saya dapat tahu Yang Berhormat Perdana Menteri akan mengadakan satu kenyataan di-atas perkara Brunei ini pada pagi ini. Kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri itu akan membawa satu kesimpulan berkenaan dengan negeri itu dan saya tidak-lah dapat membenarkan Ahli Yang Berhormat itu membahathkan chadangan-nya itu dengan sebab saya fikir belum sampai lagi masa-nya.

STATEMENT OF THE PRIME MINISTER

Pemberontakan di-Brunei

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kenyataan yang saya akan berikan pagi ini adalah melanggar daripada yang ditentukan dalam Undang² sekarang ini tentu-lah tidak saya membangkang di-atas permintaan Ahli Yang Berhormat itu untuk membahathkan perkara ini. Tetapi apa yang di-lakukan itu ia-lah apa yang telah di-luluskan oleh Undang² kita, apa yang di-pandang bagi pehak kita wajib dalam perjalanan yang kita ambil itu kerana perkara itu bukan-lah perkara yang berkenaan dengan pergaduhan yang lazim yang boleh di-katakan pergaduhan yang kena-mengena dengan apa yang bangkit dalam negeri ini. Pergaduhan yang berbangkit di-Brunei sekarang ini ada-lah di-sifatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sa-bagai pemberontakan hendak menjatuhkan Kerajaan Brunei telah di-dirikan satu Kerajaan yang di-ketua² oleh Azahari.

Jadi, dengan itu-lah saya suka mengambil peluang untuk memberi kenyataan itu supaya dapat-lah Ahli² Yang Berhormat keterangan-nya di-atas apa yang berlaku pada hari ini dan juga apa yang telah berbangkit pergaduhan bagaimana yang kita dengar di-siarkan di-dalam akhbar dan Radio.

Jadi, saya melaporkan kepada Ahli Yang Berhormat sakalian berkenaan dengan kedudukan dalam negeri Brunei. Ahli² Yang Berhormat telah mendengar, jadi tidak payah-lah saya hendak mengulang² hendak memberitahu hal² itu kepada Ahli Yang Berhormat. Keadaan ini ada-lah bandar Brunei maseh selamat di-dalam Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan serta pegawai² Kerajaan, dan semua-nya berada di-dalam sihat wal'afiat. Dan kedudukan Sultan pada hari ini pun bukan-lah bagaimana yang kita fikir, tetapi di-dalam Station dan juga Menteri²-nya dan pegawai² besar-nya ada bersama Duli Yang Maha Mulia. Jadi, pendek-nya, Duli Yang Maha Mulia kena-lah melarikan diri-nya daripada bahaya pada waktu itu. Jadi, dalam itu pun telah beberapa kali perhubungan pehak pemberontak hendak membinasakan Duli Yang Maha Mulia itu. Sekarang ini Kerajaan Brunei telah pun mengadakan perintah berkurong 24 jam di-negeri dalam bandar Brunei itu.

Pada mula-nya bandar Seria dan lombong² minyak dalam daerah itu telah jatuh ka-tangan pemberontak dan 200 orang Eropah apa yang telah disebutkan itu telah juga jatuh sa-bagai orang tawanan di-dalam tangan pehak pemberontak. Tetapi pada waktu ini pasokan tentera Kerajaan telah dapat mengawal balek tempat² itu. Bagi pehak kita berasa bangga di-atas perkhidmatan polis Persekutuan. Polis Persekutuan di-Seria dan telah juga mempertahankan Balai Polis di-situ dan tidak dapat di-tawan oleh pemberontak². Tetapi apa yang telah jadi kepada mereka, perkhbaran belum sampai lagi. Tetapi di-sini saya suka berkata polis kita tidak menyerah diri mereka bahkan melawan sa-lama 3 hari dengan keadaan yang sangat susah. Jadi, pasokan polis Persekutuan juga yang menjaga Balai Polis Penaga dan

dalam masa mempertahankan Balai Polis ini peluru² mereka itu hampir habis dan keadaan² di-tempat itu sangat-lah burok. Mereka telah bertempur dari semenjak 8hb Desember dengan tidak berhenti². Sa-kali pun begitu mereka berani dan tabah hati menentang pasokan pemberontak itu yang lebih ramai daripada mereka.

Sa-belum saya sampai di-sana dimana apa jadi kepada mereka itu belum-lah di-ketahui melawan sikap mereka itu sangat-lah berani. Dan bagi pehak kita di-Persekutuan Tanah Melayu patut-lah rasa bangga di-atas keberanian orang² kita di-situ (*Tepok*). Bagi pehak pembangkang semua-nya tinggal kosong tidak suka mendengar apa yang di-lakukan oleh kita

Enche' Too Joo Hing (Teluk Anson):
No, there is one here.

The Prime Minister: Only one, thank you. (*Ketawa*). Perhubungan telekom di-antara Brunei dengan tempat² lain di-Sabah dan Sarawak maseh berjalan dengan baik dan kita dapat menerima perkhbaran dari sa-masa ka-samasa. Kelmarin kapal² terbang yang telah terbang di-atas bandar Seria telah dapat melihat bendera² merah puteh yang ada penjuru warna hijau, berkibar² dari atas sa-tengah² rumah dan di-tiang² bendera. Ini ia-lah bendera Kerajaan baharu yang pehak pemberontak² telah namakan "United States of Borneo".

Tentera² British yang telah di-kirim untuk menghadapi pemberontakan di-Brunei itu ada-lah terdiri dari satu regiment Gurkha dan satu batalion Queen's Own Highlanders, 42 Commandoes dan satu batalion Green Jackets. Satu batalion Royal Fusilers ada-lah dalam perjalanan ka-Singapura untuk mengganti regiment yang telah di-hantar ka-Brunei itu. Menurut kenyataan yang di-terima dari pehak British, mereka bertujuan hendak mengawal bandar Brunei, mendapatkan balek lombong² minyak yang ada dalam tangan pemberontak², mengawal alat² perhubungan dan menghapuskan segala tentangan² yang terdapat di-sana sini dan memulehkan balek pentadbiran 'awam. Rombongan pertama dari

Regiment Brunei yang mengandongi empat orang telah berlepas dari Kuala Lumpur pada pukul 7.18 pagi kelmarin. Baki dari batalion ashkar Brunei itu akan berlepas sa-telah mendapat 12 jam notis, tetapi waktu yang tepat belum-lah di-ketahui. Di-bandar Kuala Belait orang² yang di-katakan berasal Indonesia telah mengadakan rusuhan. Lain² khabaran tiada sampai. Pergerakan tentera sulit itu telah dapat di-ketahui mula² sa-kali kira² sa-bulan dahulu ia-itu pada 7hb Nobember, dalam kawasan Malinau, dan menurut laporan yang di-terima senjata² telah di-bawa masuk ikut jalan laut dan darat daripada sa-buah negeri yang berjiran. Perkara ini telah di-beritahu kepada pihak British sa-bagai salah satu dari pertukaran ma'alumat rahsia, tetapi langkah yang mula² di-ambil bagi menchegehakkan perbuatan itu ia-lah pada 3hb Desember apakala beberapa orang yang menjalankan penyeludupan senjata² itu di-tangkap di-Lawas.

Sa-belum dari itu kita telah menerima berita² yang sangat merunsingkan ia-itu di-Brunei dan dalam kampong² di-sekeliling-nya, orang² ramai telah bersiap sedia dengan senjata² tombak dan senapang² patah, sa-olah² mereka bersedia untuk menghadapi dengan satu pertemporan yang besar.

Kita telah menerima laporan² sulit yang menyatakan bahawa pada 5 hari-bulan Desember ini, Party Ra'ayat akan membawa satu usul bagi menentang penubohan Malaysia, dan jika usul itu kalah mereka akan memulakan pemberontakan. Ma'alumat ini juga kita telah beri kepada British dan saya telah memberitahu kepada mereka ia-itu saya akan menarek semua orang² Malaya yang bekerja di-Brunei, kechuali pihak British dan Kerajaan Brunei dapat menjamin keselamatan mereka. Lord Selkirk telah pergi ka-Brunei pada 6 hari-bulan dan dia berpendapat Duli Yang Maha Mulia Sultan telah bertitah bahawa keadaan di-Brunei tidak-lah merunsingkan, semua-nya baik tetapi serentak dengan itu juga kita telah mendapat tahu berkenaan dengan timbul-nya pemberontakan itu.

Daripada bukti² yang kita telah dapati, maka nyata-lah pemberontakan itu telah lama di-ator lagi. Sa-bagai-mana perkhabaran itu kira-nya mereka berchadang hendak melakukan pemberontakan itu sa-lepas dari usul² Party Ra'ayat itu di-kalahkan dalam Majlis Meshuarat Negeri. Malang-nya Majlis Meshuarat Negeri telah di-tanggohkan dan dengan sebab itu pemberontakan itu telah timbul sa-bagaimana yang mula² di-ranchangkan.

Sa-kira-nya Duli Yang Maha Mulia Sultan menyokong di-atas pemberontakan itu, maka Party Ra'ayat boleh-lah menggunakan-nya sa-bagai satu di'ayah kemenangan mereka bagi menunjokan kepada dunia bahawa Ketua Negara dan ra'ayat sekalian memberi sokongan mereka yang penoh.

Enche' Azahari yang menjadi Ketua Party Ra'ayat telah datang ka-Johor pada 6 hari-bulan Desember untuk mengambil famili-nya dan dari sana dia telah pergi ka-Manila. Menurut laporan yang di-terima, apakala dia sampai di-Manila dia telah siap dengan satu kenyataan bahawa pada sa'at yang tertentu ka-seluruh negeri² Brunei, Sarawak dan Sabah telah jatuh dan Sultan telah mengistiharkan diri-nya sa-bagai Raja bagi tiga buah wilayah Brunei, Sabah dan Sarawak sa-bagai raja pemerintah. Sa-benar-nya menurut laporan sulit yang telah di-terima, tujuan mereka ia-lah hendak melari dan hendak menchelek Sultan dan memaksa baginda supaya menyain satu pengistiharan yang memberi kemerdekaan kepada ketiga² buah wilayah itu, dan Azahari menjadi Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri, tetapi kurang satu dia ta' ambil Menteri Penerangan. Sunggoh pun begitu ranchangan mereka telah gagal.

Dari sini dapat-lah Ahli² Yang Berhormat sendiri saksi bahawa pemberontakan itu di-lakukan bukan-lah dengan kerana ada-nya soal sama ada Brunei patut masuk Malaysia atau tidak, tetapi ia-lah kerana mereka berchita² hendak menubuhkan wilayah² Borneo yang merdeka, di-bawah kekuasaan Azahari dan rakan²-nya dan

kehendak Azahari itu hendak membentok dan hendak membuat dasar Kerajaan yang berasas kerana parti itu telah menang dalam pilihan raya dan membolot semua kerusi² dalam pilihan raya dan apa yang mereka kehendaki memang boleh di-jalankan mengikut Perlembagaan, tetapi bukan dengan tujuan chita² Azahari itu. Sa-takat itu sahaja chita²-nya yang hendak memerintah di-seluruh Borneo—Brunei, Sarawak dan Sabah. Jadi dengan tidak sa-tahu Raja dia hendak menggunakan Duli Yang Maha Mulia itu menjadi perkakas-nya untuk mengistiharkan satu Kerajaan yang baharu itu. Sementara itu Duli Yang Maha Mulia Sultan telah bertitah menerusi radio kepada ra'ayat baginda dan menapikan sama sa-kali tentang da'awaan yang mengatakan baginda ada apa² hubungan dengan pemberontakan itu, dan baginda telah mensifatkan mereka sa-bagai penderhaka². Serentak dengan itu Kerajaan telah mengistiharkan keadaan dzarurat dalam negeri Brunei, dan pemberontak² itu akan di-hukum dengan berat-nya menurut di-bawah Undang² Public Orders Security.

Jadi dalam pada itu pula Duli Yang Maha Mulia telah mengeluarkan tawaran kepada hamba ra'ayat baginda untuk menyerah diri mereka sekalian dan jangan-lah mereka itu terpedaya kepada pehak² penderhaka itu yang hendak menggunakan mereka sa-bagai perkakas untuk membebaskan diri mereka. Saya harap dan berdo'a supaya ra'ayat Brunei yang setia itu dapat serahkan mereka sekalian, kerana sa-kira-nya usaha mereka melawan itu tidak berjaya, mereka akan lari ka-dalam hutan dan sudah tentu akan merbahaya kepada diri mereka.

Kita semua tahu dalam siaran radio tidak ada satu maksud yang baik dan tidak ada satu chadangan yang dapat satu kegunaan yang besar bagi mereka yang pemberontak. Apa-kah ra'ayat Brunei yang sedikit bilangan-nya itu dapat melawan dengan Kerajaan yang telah ada perjanjian dengan Kerajaan British untuk menolong Sultan sa-kira-nya ra'ayat itu melawan Pemerintah. Kalau mereka sembunyi ka-dalam hutan sa-bagaimana Komunis di-Malaya yang terjadi kepada kita di-sini, kerana hutan

di-sini besar, tetapi kalau hendak sembunyi dalam hutan Brunei berapa besar? Jadi kalau dapat dengan harapan dan pertolongan Allah Ta'ala supaya pemberontak² itu balek kapada tempat mereka yang asal dan dapat ampun daripada Duli Yang Maha Mulia itu serta balek ka-kampung masing² supaya mereka bekerja sa-mula sa-bagaimana masing² membuat kerja biasa itu dengan jalan baik dan jalan aman.

Menurut titah Duli Yang Maha Mulia itu, malang-nya ra'ayat baginda telah di-hasut supaya mengangkat senjata dengan di'ayah² yang mengatakan bahawa perintah itu datang-nya dari baginda. Oleh yang demikian Party Ra'ayat itu telah di-haramkan sekarang ini, dan satu perintah telah di-keluarkan bagi menangkap Azahari.

Serentak dengan itu pula Kerajaan Sarawak telah mengeluarkan perintah bagi menchegeh mana² pegawai Party Ra'ayat dari Tanah Melayu dan Barisan Socialis Singapura masuk ka-negeri-nya. Dua hari lepas Barisan Socialis telah berterang² menyokong pemberontak² itu, dan kelmarin dua buah parti yang bersefahaman dengan Socialist Front telah mengeluarkan sokongan-nya yang saperti itu juga. Ini-lah parti yang di-katakan parti² politik di-Tanah Melayu yang ta'at setia kapada tanah ayer-nya—tetapi ta'at setia-nya yang berbelah bagi. Saya tidak-lah suka hendak mengatakan daripada mana dia telah mendapat wang ringgit itu datang untuk menggunakan dalam pemberontakan itu, tetapi kita mempunyai ma'alumat² yang menunjukkan bahawa dia mempunyai hubungan² yang rapat dengan beberapa orang ketua² dari negeri² yang berjiran dengan kita, dan juga ketua² dalam kedua² buah parti Socialist Front dan Barisan Socialis di-Singapura dan Malaya yang ada hubungan yang rapat dengan Azahari itu.

Pada masa ini Azahari maseh berada di-Manila dan dia berharap hendak pergi ka-Bangsa² Bersatu. Azahari telah merayu kepada Pertubohan Bangsa² Bersatu itu untuk mendapatkan bantuan-nya bagi menyelesaikan dengan chara aman di-atas pertelingkahan itu dengan Kerajaan British.

Dia telah mengatakan ia-itu "Kerajaan baharu kita yang telah di-istiharkan penubohan-nya menurut hak² kita bagi menentukan nasib kita sendiri ada-lah berusaha bagi mendapatkan pengiktirafan-nya melalui saluran undang² dan dengan chara yang aman."

Sa-takat yang kita ketahui tidak-lah ada sa-barang hak yang mutlak bagi-nya untuk menuntut wilayah² Sabah dan Sarawak, dan dari kejadian pemberontakan yang di-lakukan itu nyata-lah mereka tidak sa-kali² menggunakan chara yang aman kerana beberapa banyak jiwa yang telah melayang dan terkorban oleh kerana perbuatan mereka itu.

Dalam satu kenyataan-nya kepada akhbar pula, Azahari telah mengutok berita yang mengatakan Malaya telah menghantarkan ashkar²-nya untuk menekan pemberontakan itu. Dia telah berkata "Saya mengutok perbuatan ini sa-bagai satu perbuatan yang tidak dapat di-ma'afkan. Ini-lah satu perbuatan provokasi—itu perkataan Indonesia (provocation)—mencheroboh yang di-lakukan dengan berterang² dari sa-buah negeri yang berniat hendak mencheroboh yang mesti di-tentang dengan segala kekuatan."

Dalam perkara ini saya suka memberitahu Dewan ini ia-itu pada 8 Desember, saya telah terima satu telegram daripada Raja Azam yang menjadi Setia Usaha Kerajaan Brunei yang meminta saya berhubung dengan Commissioner-General Singapura bagi mendapatkan segala jenis pertolongan dan bantuan untuk di-kiriskan ka-Brunei dengan serta-merta. Saya telah menjawab yang saya akan membuat perhubungan itu dengan serta-merta. Sa-buah kapal-terbang telah di-kehendaki bagi membawa balek semua orang² Malaya. Tetapi saya telah terima sa-puchok lagi telegram yang menyatakan semua orang² Malaya sanggup meneruskan kerja masing² tetapi famili² mereka akan di-kiriskan balek jika keadaan menjadi bertambah burok (*Tepok*). Jadi apabila famili² mereka mendengar suami mereka akan dudok tetap di-sana mereka sudi apa yang akan kena pada diri-nya itu. Orang² perempuan pun tidak mahu berubah juga (*Tepok*).

Melainkan ada yang di-paksa suroh balek. Ada yang bekerja sa-bagai guru dan sa-bagai-nya terpaksa balek dan kita bawa balek 10 orang sahaja dan 4 orang dari Singapura. Jadi mereka tiba tengah malam tadi. Dan bagi pehak kita mereka itu telah di-tempatkan di-Technical College dan kita menjaga makanan, dan kesenangan mereka itu sampai keselamatan telah kembali di-Brunei mereka di-hantar balek supaya bertemu dengan suami mereka sakalian. Sikap orang² Malaya itu ia-lah menunjukkan semangat mereka yang kuat untuk tinggal bersama² dengan orang² Brunei sa-masa mereka menghadapi dzarurat ini. Dalam pada itu kita rasa kita bertanggung-jawab pada melindungi famili² mereka.

Satu permintaan telah di-terima pada 9 Desember supaya di-kiriskan anggota² Polis Tanah Melayu dan pasokan hutan bagi menolong kerja mengawal keamanan bandar Brunei itu. Perseediaan² telah di-buat bagi menghantar mereka ka-sana, dan 80 orang dari mereka telah pun berlepas pada suboh tadi dan lagi 100 orang akan di-hantar pada hari ini pada pukul 10 pagi ini sampai pukul 10 malam akan di-hantar ka-Brunei dan Sarawak. Kewajipan mereka sa-mata² mengawal keamanan dan ketenteraman dan tidak akan champor atau ambil bahagian dalam gerakan tentera. Langkah menghantarkan pasokan Polis kita itu di-buat menurut kuasa yang di-tentukan dalam Undang² Polis Bilangan 40, tahun 1952 yang mengatakan bahawa Polis boleh memenohi sa-barang permintaan daripada Singapura atau Borneo Utara atau Sarawak atau pun negeri Brunei untuk menunaikan kerja² mereka di-luar dari Persekutuan bagi maksud² menolong mengawal atau mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam wilayah itu.

Daripada tahun 1956 kita telah menghantarkan anggota Pasokan Polis kita ka-Brunei atas permintaan Kerajaan negeri itu, dan tanggungan yang di-beri kepada mereka oleh Kerajaan Brunei itu ia-lah menjaga lombong² dan kawasan² minyak. Pasokan itu ia-lah lebeh kurang sa-ramai 60 orang sahaja. Jadi langkah mengirim anggota Polis bagi menolong Brunei mengawal

keamanan di-negeri itu bukan-lah satu perkara yang luar biasa atau satu perkara yang baharu.

Sa-lain dari itu Kerajaan Brunei pula telah membuat perjanjian dengan Kerajaan British dalam tahun 1959 yang bertujuan supaya pegawai² Melayu menggantikan tempat pegawai² British dalam segala jawatan² yang di-pegang oleh pegawai² British itu. Pegawai² Melayu juga di-ambil bagi mengajar di-sekolah², sama ada di-sekolah kebangsaan dan juga sekolah² ugama. Pegawai² itu telah di-beri pinjam ia-lah dengan kerana kita telah terima permintaan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan mereka telah pergi dengan kerana Allah untuk menjalankan segala kerja sementara dapat pegawai² anak Brunei sendiri mengambil tempat² itu.

Tetapi apa pula yang telah terjadi kapada mereka itu? Tujuan kita yang suci dan berseh bagi menolong saudara² kita di-Brunei itu telah menimbulkan salah faham orang² di-negeri itu sendiri. Salah faham ini bukan boleh di-katakan terjadi daripada orang itu tetapi di-hasut oleh ketua² yang chadangan-nya hendak memperdayakan orang Brunei itu dengan tidak mahu bagi orang Brunei itu dapat latehan daripada pegawai² Melayu untuk mengambil tempat dalam negeri-nya sendiri. Jika mereka itu di-perdayakan mereka akan benchi kapada pehak orang² Melayu dari Persekutuan, dan membesarkan atau memuliakan balek orang yang mengetuai segala hasutan itu. Jadi menimbulkan salah faham dengan perbuatan dan dengan hasutan orang yang pada hari ini memberontak atas Kerajaan-nya sendiri. Semenjak pegawai² Tanah Melayu berada di-sana, berbagai² hasutan dan kata² yang keji telah di-lemparkan ka-atas mereka, dan berbagai² tuduhan telah di-hadapkan kapada mereka. Anak² dan isteri² pegawai² kita itu telah di-chachi dan di-chercha, dan apakala mereka pergi ka-pasar mereka telah di-singgong dan di-maki oleh orang itu. Saudara² kita di-Brunei mensifatkan pegawai² kita yang pergi kerana Allah menjunjung titah Sultan itu untuk menolong orang Brunei sa-bagai seteru dan pengkhianat kapada Brunei.

Niat dan tujuan kita yang baik bagi menolong saudara² kita yang belum chukup pelajaran dan pengalaman untuk memegang jawatan² yang tersebut itu telah di-kelirukan, dan pegawai² kita itu telah menerima balasan yang sangat tidak berpatutan. Dengan sebab itu apakala Enche' Yakin ia-itu sa-orang Pegawai Pejabat Hutan yang di-pinjamkan ka-Brunei telah di-pukul oleh orang² Brunei, maka timbul-lah desakan dari pegawai² kita itu hendak balek ka-Malaya kerana mereka bimbang atas keselamatan diri mereka dan merasa diri mereka terhina dan tidak di-kehendaki oleh saudara² mereka orang² Brunei.

Jadi saya sendiri telah terpaksa pergi ka-Brunei untuk memereksa sendiri di-atas kejadian² dan untuk memereksa sendiri keadaan² di-sana dan telah berjumpa dengan pegawai² kita itu. Saya telah sembahkan hal itu kapada D.Y.M.M. Sultan tetapi Baginda meminta dengan sa-kuat²-nya supaya pegawai² kita itu meneruskan juga perkhidmatan mereka di-negeri itu kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan sangat²-lah berharap serta puas hati di-atas kerja² pegawai² kita di-sana itu. Dengan kerana itu saya telah memujok pegawai² kita itu supaya bersabar dan meneruskan perkhidmatan masing² di-Brunei, dan sa-bagai pegawai² Kerajaan yang ta'at kapada perintah mereka sanggup meneruskan perkhidmatan mereka itu sa-kali pun mereka terpaksa menghadapi dengan berbagai² dugaan dan kesulitan, dan tidak ada kebebasan untuk bergerak sa-bagaimana kita di-sini.

Dengan kerana itu saya rasa, apa jadi-nya kapada mereka itu tidak siapa menanggung-nya melainkan saya sendiri ia-itu perbangkitan pemberontakan di-negeri itu menjadi sasaran untuk pemberontak² itu menyerang. Dengan kerana itu apakala saya mendapat perkhabaran yang sah bahawa satu penderhakaan akan timbul sa-kira-nya usul Parti Ra'ayat yang menentang Malaysia itu kalah dalam Majlis Mesuarat Negeri, maka saya telah kirimkan sa-puchok surat kapada ketua orang² Melayu di-sana ia-itu Dato' Abdul Aziz, Attorney-General Brunei, minta dia menghimpunkan sakalian

orang² Melayu dan anak isteri mereka itu di-satu tempat supaya dapat menyelamatkan diri mereka sa-kira-nya pergadohan itu timbul. Saya juga telah pergi ka-Singapura dengan serta merta untuk berjumpa dengan Lord Selkirk dan meminta jaminan daripada mereka di-atas keselamatan warga negara Tanah Melayu yang ada di-Brunei itu. Sa-kira-nya tidak dapat jaminan itu maka saya akan memberi perintah supaya ka-semua pegawai² Melayu kita itu daripada pegawai² tinggi sampai pegawai kechil minta di-balekkan dengan serta merta. Akuan itu telah di-beri pada 8 haribulan, tetapi serentak dengan itu juga telah berbangkit pemberontakan di-negeri itu.

Apakala pemberontakan itu telah timbul, saya telah mengadakan meshuarat Juma'ah Menteri pada 8 Desember, dan bersetuju dengan sa-bulat suara untuk menghantarkan Pasokan Polis kita mengikut titah Sultan dan permintaan pegawai² kita bagi menjaga keselamatan pegawai² kita itu, dan juga Sultan serta ra'ayat Brunei yang baik. Tetapi oleh kerana kelambatan mendapat kenaikan, maka Pasokan Polis itu chuma dapat berlepas pada pagi ini. Jadi di-sini, dapat-lah tuan² faham bahawa anggota² Polis kita pergi ka-sana semata² untuk menjaga keselamatan dan keamanan di-negeri itu khas-nya untuk keselamatan pegawai² kita sendiri.

Saya telah membuat perutusan kepada anggota Polis kita yang telah berlepas itu, dan saya suka membacha-nya dalam Dewan ini apa yang telah merentahkan mereka itu.

"Sa-belum daripada tuan² berlepas ka-Brunei dan Sarawak pada pagi besok, maka saya suka menyampai sedikit pesanan kepada tuan² sakalian.

Tuan² akan pergi ka-Brunei dan Sarawak bukan-lah untuk berperang, tetapi ia-lah untuk menyelamatkan harta benda, dan memelihara jiwa orang² yang tidak berdosa di-negeri² itu. Saya sedar bahawa tuan² akan menghadapi dengan berbagai² kesusahan dan menempohi dengan segala rupa kerumitan dalam masa tuan² menjalankan kewajipan tuan² kelak. Sunggoh pun begitu saya yakin dan perchaya bahawa tuan²

akan menjalankan tanggungan dan kewajipan tuan² itu dengan penoh semangat dan dengan hati yang tabah. Insha-Allah tuan² akan di-pelihara oleh Allah Subhanahu Wata'ala, kerana tiap² kerja yang baik itu akan di-balas dengan baik juga.

Saudara tuan², ahli² Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu, yang menjaga Balai Polis di-Seria telah menunjukkan kehandalan mereka, dan telah mempertahankan Balai Polis itu sa-lama tiga hari yang lepas dengan tidak menyerah diri, sa-kali pun mereka menempohi dengan berbagai rupa kesusahan dan berada dalam keadaan yang dahshat. Bagitu-lah juga keadaannya dengan saudara tuan² yang menjaga Balai Polis di-Penaga. Mereka telah menunjukkan ketabahan hati mereka bagi menjagakan nama baik Pasokan Polis Persekutuan Tanah Melayu dan nama baik tanah ayer mereka. Saya belum dapat tahu apa yang telah terjadi kapada mereka, tetapi saya berdo'a ka-hadrat Allah Subhanahu Wata'ala muga² mereka berada di-dalam selamat.

Kebanyakan orang² di-Brunei tidak menderhaka kapada Raja dan Kerajaan mereka, dan orang² yang telah mengangkat senjata hendak menjatuhkan Kerajaan sa-benar-nya tidak tahu sebab² yang sa-benar kapada mereka. Mereka chuma di-gunakan sa-bagai perkakas oleh ketua² yang tidak bertanggung-jawab yang hendak menchari kebebasan diri sendiri sahaja. Mereka sa-benar-nya bukan membangkang Malaysia kerana saya telah berulang² kali mengatakan bahawa ada-lah terpulang kapada orang² Brunei sendiri sama ada hendak masok dalam Malaysia atau tidak. Ketua pemberontakan itu yang bernama Azahari telah menunjukkan tembelang-nya dengan melantekkan diri-nya sendiri sa-bagai Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan bagi sa-buah negeri baharu yang dinamakan Negeri Bersatu Borneo yang termasuk bukan sahaja Brunei bahkan Sabah dan Sarawak. Sa-lain dari itu ada beberapa orang ketua lagi yang akan menjadi Menteri² dalam Kabinet Kerajaan baharu itu.

Dengan perbuatan yang tidak bertanggung-jawab oleh beberapa orang ketua itu maka banyak-lah orang² yang telah terkorban dengan tidak tahu apa² tujuan yang sa-benar dan kenapa mereka mengangkat senjata bagi membela negeri mereka tetapi tidak-lah di-ketahui dari siapa pembelaan itu di-buat.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah meminta bantuan dari Persekutuan Tanah Melayu supaya mengirinkan Pasokan Polis untuk menjaga keamanan di-Brunei, dan kita telah juga terima permintaan dari Kerajaan Sarawak kerana polis dari Sarawak telah banyak di-hantar ka-Brunei bagi menolong negeri itu. Dengan sebab itu-lah kita mengirinkan tuan² untuk memenohi permintaan dari kedua² buah negeri itu.

Saya merasa penoh yakin dan perchaya bahawa tuan² akan menjalankan kewajipan tuan² dengan penoh semangat dan dengan penoh bertanggung-jawab bagi menjaga nama baik Pasokan Polis di-Raja dan nama baik Persekutuan Tanah Melayu. Akhir-nya saya berdo'a muga² tuan² selamat pergi dan selamat balek".—Ini-lah ucapan yang saya buat kepada Pasokan Polis yang telah naik kapal terbang pagi tadi untuk menjalankan perkhidmatan mereka dengan permintaan Sultan, permintaan Kerajaan Sarawak dan dari permintaan pegawai² kita yang ada di-dalam keadaan merbahaya itu.

Sekarang telah timbul pula chabaran² daripada parti² politik terhadap langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan itu yang bertujuan hendak menjaga keselamatan orang² kita sendiri dan menjaga harta benda mereka. Parti² politik itu telah menyokong penderhaka di-Brunei itu. Saya merasa benchi dan jijik kerana perbuatan khianat itu yang saya sifatkan melanggar dan bertentang dengan semangat dan dengan ta'at setia yang patut mereka beri kepada negeri mereka kerana mereka mengaku bahawa mereka menjadi warga-negara. Perbuatan mereka itu sama sa-kali tidak sa-suai dan merupakan satu sikap kuasa asing, kebetulan seperti sikap yang sa-

suai dengan fikiran dan pendapat². pehak kominis dan pendapat² parti di-luar negeri seperti yang ada di-Indonesia dan parti² menentang kita. Perbuatan itu sa-olah² mereka benchi dengan Kerajaan negeri mereka sendiri. Semenjak kita merdeka, kita merasa ne'mat yang besar dengan keamanan yang luar biasa dan ra'ayat itu hidup berbaik² di-antara satu dengan lain. Saya telah menyatakan beberapa kali bahawa saya sifatkan Tanah Melayu ini sa-bagai sa-buah bintang yang menyuloh alam yang gelap gulita di-Tenggara Asia ini. Dengan ada-nya kesenangan dan kema'amoran dalam negeri kita ini maka telah timbul pula rasa hasad dan dengki dan benchi dari sa-tengah² parti dalam negeri² yang berjiran dengan kita, dan berbagai² perhubungan telah di-buat untuk merosakkan keamanan dan kema'amoran dalam negeri ini menggunakan beberapa warga-negara untuk menjadi perkakas mereka itu. Mereka telah menggunakan ketua² parti di-sini daripada warga-negara Tanah Melayu dan adakan perhubungan terus-menerus dari satu masa ka-satu masa sudah beberapa lama. Tetapi kita sabar dan diam sahaja, jadi, sekarang ini Sabah, Sarawak dan Brunei hendak bersatu dengan kita bagi mendapatkan bersama² dengan kita kesenangan dan kema'amoran dan ke-aulatan itu supaya mereka itu juga merdeka bagaimana kita hidup bersama besar dan dudok sama tinggi dan dapat merasa kesenangan. Dengan penerimaan Malaysia itu maka berma'ana-lah negeri kita ini akan bertambah besar. Ini telah bangkit benchi oleh parti² dalam negeri itu lebeh² lagi daripada apa di-rasa oleh mereka itu dahulu daripada kita. Chemburu mereka itu tidak dapat diam dan perbuatan dan hasutan dengan berbagai² chara untuk hendak menyekat pendirian Malaysia itu. Parti² luar telah juga memberi bantuan wang kepada Azahari. Mereka juga telah memberi senjata dan memberi latehan kepada tentera² National Kalimantan Utara itu di-adakan di-Malinau. Malinau kalau tuan pereksa di-dalam peta dalam Brunei Kalimantan. Parti² itu telah keluar sekarang ini dengan berterang² membuka jalan mereka dalam kepada

pemberontakan penderhaka itu. Sayang sa-ribu kali sayang orang Brunei telah masuk termakan hasutan orang² yang tidak bertanggung-jawab itu yang mempunyai niat khianat membawa pemerintahan asing ka-dalam negeri ini. Apakala mendapat kuasa akan menjahanamkan ekonomi dan keamanan dalam negeri Brunei, negeri yang dudok di-dalam keadaan aman damai dengan kemewahan yang tidak ada banding-nya, boleh dikatakan di-dalam dunia ini. Kekayaan dan hasil dalam negeri itu akan hapus dalam masa yang tidak berapa lama jika sa-kira-nya Allah Ta'ala izinkan bagi pehak parti pemberontak itu memerintah negeri Brunei baik, atau Sarawak pun baik. Jadi, kekayaan dan keselamatan itu akan hapus, mereka tertarek hati bukan kerana hendak memerintah negeri itu dengan jalan yang di-tentukan oleh Undang², atau jalan yang di-tentukan oleh Perlembagaan, mereka hendak merompak kerana kepentingan mereka sendiri. Mereka tidak menjalankan dengan baik, mereka menggunakan senjata dan menggunakan ra'ayat jelata jadi terkurban di-dalam perjuangan untuk menchari kepentingan diri mereka itu.

Kita berdo'a negeri itu akan selamat dan orang² yang telah mengangkat senjata itu akan sadar dengan segera terhadap kesilapan mereka. Dengan itu tidak-lah lagi pertemporan² yang boleh menghilangkan jiwa dan merosakkan harta benda mereka. Mereka berjuang untuk kemerdekaan negeri mereka. Tetapi mereka juga tahu apabila masuk Malaysia maka mereka itu akan menchapai kemerdekaan. Pemberontak menda'awa bahawa perjuangan mereka menentang British. Walhal mereka tahu baik² British telah bersetuju hendak memerdekakan negeri itu, dengan kehendak orang² itu menyatukan negeri itu dengan Tanah Melayu ini menjadikan Malaysia. Mereka tahu baik² perkara yang akan berlaku tidak-lah lagi mereka tahu segala senjata yang mereka gunakan pun tidak boleh berubah apa yang ra'ayat jelata sendiri kehendak, apa yang pehak pemerintah sendiri telah tentukan ia-itu Malaysia akan di-tubuhkan. Mereka hendak

menentang Malaysia kerana mereka hendak menubuhkan satu Kerajaan di-dalam Brunei, Sarawak, walhal mereka sendiri tahu ra'ayat² itu belum lagi ada chukup pengetahuan untuk menjalankan pemerintahan negeri mereka sendiri. Mereka minta pegawai² kita untuk menjalankan negeri mereka yang kechil itu. Mereka tahu sekarang kekurangan mereka hendak memerintah negeri mereka sendiri. Jadi, apa yang mereka hendak merdeka itu saya pandang, bagaimana yang di-keluarkan oleh Parti Islam Sa-Tanah Melayu pada satu masa hendak masuk Tanah Melayu, Brunei, Sarawak ka-dalam pemerintahan Indonesia. Itu-lah tujuan yang sa-benar²-nya (*Tepok*).

Mereka dapat bantuan wang daripada parti² yang ingin hendak ambil segala kekayaan dan kesenangan yang ada di-tangan kita pada hari ini, begitu yang ada di-tangan Brunei. Itu-lah yang mereka memandang dengan menggunakan mereka itu sa-bagai perkakas untuk memperchayai kehendak² dan tujuan mereka dengan tidak ada harapan hendak dapat kemenangan. Di-sini tuan² boleh nampak tujuan mereka yang sa-benar-nya dan tujuan yang tidak lain sa-bagai tujuan menchari dan khianat, perompak.

Azahari pada waktu ini maseh berada di-Manila, dia telah mengambil peluang dengan ada-nya di-Manila itu untuk sembunyi, apa yang sa-benar-nya di-Manila telah ada berbangkit satu chara tuntutan Phillipine di-atas Borneo. Jadi, dia ambil peluang itu untuk menunjukkan sympathy di-atas tuntutan Manila itu. Walhal dia chari tempat yang dia boleh mengeluarkan pemerintahan bagi membuatkan atau menjalankan pemberontakan negeri itu. Jika di-tubuhkan di-tempat itu di-Indonesia, jadi dia chari lain tempat supaya hendak melindungi apa perkara yang sa-benar-nya. Jadi, saya panggil balek Duta Phillipine itu dan telah menyoalkan-nya yang telah mendapat tahu bahawa saya tidak shak lagi cherita²-nya itu ia-lah satu cherita yang sa-benar-nya ia-itu Menteri Luar tidak ada tahu pemberontakan itu atau penderhakaan itu telah timbul di-Brunei.

Jadi sekarang ini mereka telah salah faham, apa-kah mereka akan buat? Ini-lah kedudukan Azahari di-Manila itu, kerana hendak bersembunyi di atas perkara yang bersangkutan-paut dengan pergerakan yang berlaku di-Brunei itu. Saya pun tidak tahu apa sebab yang menjadi diri-nya benchi oleh parti² dalam negeri² yang berjiran dengan kita, negeri² yang boleh dikatakan satu keturunan dengan kita, sa-darah dengan kita daripada mulanya, daripada hari ini kita menchuba hendak menjadikan diri kita sa-bagai sahabat yang hendak menumpang berbaik² dengan selamat-nya, sa-hingga sampai bendera UMNO berwarna merah dan putih, kerana UMNO. Kita menunjukkan yang kita ini satu keturunan dan tidak ada bertujuan hendak bergaduh ia-itu dasar berhidup² dalam Tanah Melayu ini ialah bergantung sa-mata² di atas pertolongan yang dapat di-beri kepada mereka itu. Mereka bergantung di atas kesenangan mereka, daripada makanan, daripada pakaian, daripada tanah dan berbagai² lagi yang telah di-beri kepada mereka. Jadi kerana mereka itu, kita tidak membesarkan ashkar² kita untuk hendak menguatkan segala pasokan² kita. Apa yang kita ada, wang sedikit sa-banyak—semua-nya ia-lah untuk kita beri kesenangan kepada ra'ayat dan di atas segala kesenangan² yang telah kita dapati.

Maka itu-lah yang telah menjadi sabalek-nya kepada kita dalam membangkitkan kebencian oleh rakan² dan jiran² kita itu. Jadi semua-nya salah. Hidup dengan senang, salah; hidup dengan sakit, salah; hidup dengan susah, salah tetapi apa boleh buat! Kita perchaya kepada kesenangan ra'ayat dan dengan kesenangan ra'ayat, Allah Ta'ala akan kekalkan keamanan negeri kita dan selamatkan negeri kita bahkan hingga anak chuchu kita boleh hidup dengan keadaan selamat dan senang.

Jadi dengan kerana itu, tidak ada lagi-lah yang saya hendak cheritakan kepada tuan tiap² fasal, boleh dikatakan tiap² minit kita khabarkan daripada perkara yang berlaku di-Brunei itu. Pejabat saya boleh di-

katakan di-buka 24 jam dan juga pegawai² sana boleh di-katakan bekerja siang dan malam, kerana hendak dengar kejadian itu ia-itu Brunei satu negeri yang dudok dengan mewah.

Kita berdo'a kepada Allah Ta'ala supaya kembalikan keamanan kepada negeri itu, dan kita berharap dan berdo'a sahaja supaya pegawai² kita yang telah tunjukkan sifat keberanian yang luar biasa itu sa-lama mereka berkhidmat di-sana. (*Tepok*).

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Sixth allotted day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head S. 14—

Debate resumed on Question:

That the sum of \$2,568,232 for Head S. 14 stand part of the Schedule.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr Chairman, Sir, I now take my place in this Chamber after our complete dissociation of the stand of the Malayan Government in its infamous intervention on the side of imperialism in North Borneo.

AN HONOURABLE MEMBER: Declare your stand!

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, I have been asked by a Member of the Cabinet to declare our stand. Our stand is that we stand for the forces of freedom and nationalism.

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, on a point of order, Standing Order 36 (1)—it is irrelevant.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, a member of the Cabinet has challenged me to declare our stand.

Mr Chairman: Yes, but you must address me, not him.

Enche' K. Karam Singh: Thank you, Sir. Mr Chairman, Sir, I must make it very clear that now I am speaking under the Ministry of Commerce and Industry and I am sorry to say that the Malayan Government's international behaviour is detrimental to the commerce of our country with its close neighbours. If we want to do business with our neighbours, we must respect them and we must be friendly with them, but the Malayan Government has adopted a most unreasonable attitude towards its neighbours. It has gone to the extent of insulting some of our neighbours by calling them names, terming patriots as traitors. Mr Chairman, Sir, this policy of our siding . . .

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): On a point of order, Standing Order 36 (1). Tidak ada kenamengena dengan ucapan itu. Ini ia-lah berkenaan dengan policy of the service.

Mr Chairman: Yes, that is irrelevant. The debate must be confined to the policy of the service for which the money is to be provided.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, I would suggest that the Honourable Minister in charge of this Ministry gets his Cabinet to follow a more reasonable policy in international matters, so that our closest neighbours and friends will not automatically regard our country as their enemy and the enemy of their aspiration.

Mr Chairman, Sir, yesterday I quoted paragraph 63 of the Second Five-Year Plan, on page 20, in which it is stated that "The establishment of two oil refineries at Port Dickson is under consideration." We know that together with these refineries there are a great deal of Shell interests in Malaya, and that our oil supplies are conducted in a large measure by the Shell Company; and we also know that the Shell Company has its branch in Brunei. Sir, in our commercial policy, we must not be made subordinate to any foreign commercial concern, though it may be the biggest oil company in the world. That should not deviate us, that should not coerce us into fighting the people who are trying to be masters of their own

oil in their own country. We know that our "too much" identification with Shell Company will result in our becoming the accomplices of imperialism in the Borneo territories.

Mr Chairman, Sir, if the Shell Company inflicts loss of life in our neighbouring territories upon the patriotic forces of the North Borneo territories, I would call upon this Ministry to reconsider the position of this Company in our country and to take action against it, so that it will not have the privilege of trading in our country. The price for this privilege is that it shall come to our country with no blood on its hands.

Mr Chairman, Sir, yesterday I spoke about the pioneer status and the investment of \$70 million (46 per cent local and 54 per cent foreign) in the pioneer status companies. Sir, despite this, only 8,000 of our workers have been given jobs. So, Sir, to give jobs to the officially accepted number of 50,000 unemployed persons would require a capital of about \$430 million—and this would have to be spaced over a number of years; and before the problem could be solved, new recruits from the younger generations would enter the labour market. So, it can be seen that this pioneer status will not solve the unemployment problem in this country. The only way unemployment can be solved, not only in our country but also in any country in the world, is for the Government to take overall control of our economy and bring in sectors of our economy which are under foreign control under national control and then apply these resources to the benefit of our nation by re-directing the resources to agriculture and other sectors of our economy.

Sir, today, we find that the profits of these foreign owned estates and mines in our country are escaping from our country: the economy of our country is like a leaky ship with all the profits flowing out. Unless those profits are controlled and subjected to national control and planning, our economy will never recover. We have the strange position of having a Minister of Commerce and Industry whose powers are

extremely limited, whose scope of control over the national economy is only in name, and whose scope does not cover the major and vital portion of our economy—that is, the rubber industry and the tin mining industry, which are in the hands of foreigners. We should not be deceived into thinking that by having a Minister of Commerce and Industry, we are masters of the commerce and industry of our country.

Mr Chairman, Sir, to show the largely clerical functions of the Ministry of Commerce and Industry, I would like to quote from the Official Year Book, 1961; on page 281, Chapter X, Trade and Industry, under *The Constitutional Principle*, it is stated:

“For the most part, the economy of the country rests with private enterprise which is restricted only when a particular activity is likely to affect public health, order or morality, or when the national security is at stake.”

This shows that the functions of this Ministry are largely negative and it only comes into play when the activities of a private enterprise affect public health, order, or morality, or when national security is affected; otherwise, the Government does not have a say at all in the activities of any private enterprise. What more blatant acceptance of the purely negative functions of this Ministry can we have than this statement contained in the Official Year Book of 1961.

Furthermore, Sir, it is also stated:

“In consequence, governmental control is exercised in three essential ways: the control of companies and businesses by way of registration, to ensure that the objects and practices of the companies are not anti-social; by licensing undertakings to ensure that health, working conditions and safety of life and limb are not jeopardised; and finally, by a measure of import and export control over both goods and money to protect the national economy.”

Sir, by way of registration of companies, so that their objects are not anti-social, by licensing undertakings to ensure that health, working conditions and safety of life and limb are not jeopardised—all these in the context of the importance of national economy are purely clerical, or little more than clerical functions of this Ministry.

Mr Chairman, Sir, I will quote again from page 291 in regard to marketing to show how our Government and this Ministry are subordinated to commercial vested interests and how this Ministry is subserving and subservient to these commercial interests. On page 291, under the heading “Marketing”, the second paragraph reads:

“New factories recently established tend to use those commercial houses which have distribution networks already established throughout the country. This is a mutually satisfactory arrangement. New factories are spared the expense of forming their own distribution systems while established commercial houses do not lose the business they otherwise might have lost, as a result of locally manufactured goods replacing imported ones which established commercial houses have been handling for some time.”

I repeat the sentence, “... commercial houses do not lose the business they otherwise might have lost, as a result of locally manufactured goods replacing imported ones which established commercial houses have been handling for some time.” Mr Chairman, Sir, why this extreme solicitude, extreme concern, in saying that by starting local manufactures, these established commercial houses, British commercial houses, do not lose their business? Why this extreme concern for them when concern is not expressed for the ra'ayat of our country? why this actual subservience in action to these foreign commercial houses when there should be actual practical activity for the benefit of the masses of our country? Sir, I should say that in this way this Government has become subservient to foreign vested interests, and this subservience would partly be because these commercial houses are paying a part of the election expenses of the governing party.

Mr Chairman, Sir, I think the time has come for this Government to review, agonisingly review, drastically review, the very basis of its commercial and industrial policy. The people of our country are fed up with and tired of the Government today playing second fiddle to British interests, British capitals, in tin mines, rubber plantations and in commercial houses. Sir, the Malayan public is tired of our Government doing dish-washing for

foreign capitalists. It is time that we stand up on our feet and in an honourable and dignified way become the masters of the economy of our own country. Parliament has come about, independence has come about, we have learnt to put on ties and coats and come to this House, but yet our nation is being made subsidiary to these foreign capitalists. I tell the Government that it is high time we give up behaving like waiters, in a high-class hotel, to these foreign capitalist—it is high time! Let not over independent status, over having acquired the habit of wearing ties and coats, deceive us. In reality we are nothing and the Government is reducing itself to the position of a dignified waiter for these foreign interests.

Mr Chairman, Sir, we hear sometimes our Prime Minister making statements that we must have closer relationship with other countries, that we must have an Islamic bloc, and statements like that. But we find that in actual practice, in its commercial policy, the Government is following the same rut that the British had put our economy into. We know that today for our oil we are entirely dependent upon Shell, Caltex, Mobil Oil and Western oil interests. We know that the Middle East is very rich in oil. Why not the Government make contacts with the people in the Middle East, with the Governments in the Middle East, so that we can have direct trade with them? We must study the conditions. In every manner we must not pay lip-service to our old ties. With the people of the Middle East, our commercial policy must be re-orientated so that in actual practice there will be real commercial intercourse with those people. We can buy what they have to sell and we can sell to them what they need from us.

So, Mr Chairman, Sir, I hope that after hearing the comments from this side of the House, the Government will wake up, shake itself out of its old traditional rut, and show to the world and to this country that it is capable of following an independent policy worthy of an independent nation, and that its commercial loyalty is to

the people and this country and not to British commercial interests and British capitals. It would be interesting to know whether the Minister of Commerce and Industry will state a stand in this House today as to whether the loyalty of his Ministry and the Government is to the people of this country or to foreign commercial and capitalist interests. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas perbahathan mengenai Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Sa-belum saya melanjutkan perchakapan saya ini, saya ingin menjawab sedikit kepada Yang Berhormat Ahli dari Damansara yang berchakap panjang lebar memburok²-kan dasar Kerajaan dan mengatakan bahawa ra'ayat tidak ada keperchayaan kepada Kerajaan dan banyak lagi tuduhan² yang di-lemparkan kepada Kerajaan dengan tidak pereksa semua sa-kali. Saya tidak hendak berchakap panjang chuma saya suka sebutkan apa yang telah di-chakapkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada suatu masa dahulu:

"While we are in power, we will do what we think is best for the people. When you come into power then it is up to you to draw up your policy according to your liking."

That is the speech made by the Honourable Minister for Internal Security. I think that is enough to give a reply to the Honourable Member for Damansara.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap di-atas perkara mengenai Jabatan Setia Usaha bahagian Melayu. Saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian ini yang telah pun menambahkan beberapa orang kaki-tangan Kerajaan di-bawah Jabatan ini dan saya berharap dengan ada-nya tambahan² bagi kaki-tangan Kerajaan di-dalam Jabatan ini akan dapat-lah di-jalankan tugas masing² untok membaiki keadaan atau kedudukan ekonomi orang² Melayu. Pada keseluruhan-nya saya dapati ekonomi orang² Melayu ini sangat-lah jatuh dan sangat-lah tidak memuaskan hati kalau kita bandingkan dengan kedudukan ekonomi lain daripada orang Melayu,

ini ada-lah satu perkara bukan tanggung-jawab bagi satu Kementerian sahaja bahkan kepada seluruh warga-negara yang ada timbang rasa di-atas kedudukan ekonomi orang Melayu pada masa sekarang ini.

Boleh-lah di-adakan satu penyiasatan, pada pendapat saya chuma 10 peratus sahaja modal di-dalam perniagaan dan perusahaan yang di-punyai oleh orang Melayu.

Oleh itu kalau hendak di-sa-imbangkan dengan kedudukan orang² lain misti di-ambil kajian yang istimewa yang di-kehendaki 40 peratus lagi baharu kita sampaikan kepada tingkatan bangsa lain. Ini satu perkara yang sangat mustahak di-ambil perhatian kerana kalau kita lihat berkenaan dengan perniagaan perdagangan empat lima puluh tahun dahulu, di-Pulau Pinang ada sa-orang bernama Nordin, ia menjadi agent kepada beberapa perdagangan² dalam Pulau Pinang. Jadi semenjak beberapa tahun ia menjalankan perusahaan maka ia telah jatuh dan hilang begitu sahaja. Saya suka kalau kita lihat kepada perusahaan lombong menurut tawarikh, orang² Melayu-lah yang mula membuat lombong itu. Berkenaan dengan Perikanan pula dan pasar², orang Melayu mengambil bahagian yang chergas telah menjalankan tugas² atas hal-ehwal perusahaan dan lain²-nya. Semenjak 50 tahun itu orang² Melayu dalam perusahaan perniagaan telah jatuh sa-rendah²-nya. Oleh yang demikian patut-lah Kementerian ini mengambil perhatian yang berat untuk hendak melichinkan kerja² Jabatan Setia Usaha bahagian Melayu ini patut di-pindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri sendiri itu di-adakan satu Jabatan ini di-bawah kelolaan Surohan Jaya orang² Melayu di-dalam hal economy yang berkenaan dengan economy orang Melayu bukan sahaja berkaitan dengan perdagangan, bahkan banyak kait-mengait-nya yang saya sebutkan di-sini berkenaan dengan RIDA Sharikat Kerjasama, pertanian, pengangkutan, pendaftaran, dan lain²-nya. Jika ada satu Surohan Jaya Jabatan ini sendiri khas-nya untuk membangunkan economy orang Melayu maka dapat-lah menjalankan kerja

dengan sempurna, supaya apa juga rayuan yang di-rayu, yang di-shorkan untuk Jabatan itu akan dapat di-layan dengan sa-patut-nya. Yang kedua, Tuan Pengerusi, sa-belum Jabatan ini menjalankan ranchangan di-atas apa² dasar patut di-adakan satu banchi di-atas kedudukan economy orang Melayu sekarang ini, supaya dapat satu penyata "statistic" yang lengkap, bagaimana kedudukan darihal hasil tanaman mereka, atau bagaimana hasil tanaman mereka itu di-jual, berapa-kah modal mereka, berkenaan dengan lesen, berkenaan dengan pengangkutan, simpanan wang di-dalam Post Office, simpan wang di-dalam Sharikat Kerjasama dan lain² lagi mesti-lah ada satu statistic atau kajian² yang lengkap, baharu-lah boleh di-buat ranchangan² di-atas asas itu, sa-lagi tidak ada satu banchi atau penyata yang lengkap berkenaan dengan kedudukan dan kelemahan orang² Melayu sekarang ini saya berpendapat tidak dapat di-laksanakan dengan sa-penoh-nya, tujuan Kerajaan hendak membangunkan economy orang Melayu. Yang ketiga, sa-sudah siap penyata yang lengkap itu maka Jabatan Setia Usaha Orang Melayu ini akan dapat membuat beberapa ranchangan yang tegas ia-itu ranchangan² yang boleh di-laksanakan dengan jangka panjang, katakan-lah 10 tahun atau 15 tahun yang di-fikirkan boleh kita sa-imbangkan. Dan lain² itu, Tuan Pengerusi, kata-lah masuk beberapa perkara yang berkaitan dengan ekonomi orang Melayu, hal-ehwal simpanan wang, pertubohan Sharikat² Kerjasama dan lain lagi, begitu juga mengenai Pasar Minggu dalam bandar Kuala Lumpur ini tentu-lah tidak memuaskan hati tambahan pula kepada pelan-chong² yang datang dari luar negeri hendak melihat Pasar Minggu atau pun hendak melihat di-mana perniagaan orang² Melayu yang di-tunjokkan di-dalam Pasar Minggu itu. Ini sangat mendukachitakan, patut-lah Jabatan ini mengadakan suatu ranchangan atau satu tempat khas dengan chara yang lengkap, adakan stall di-tempat² tumpuan menerima barang² hasil daripada tenaga orang² Melayu di-luar bandar. Hasil pertukangan supaya dapat benda² ini di-jual ka-luar Negeri.

Bagitu juga di-tiap² bandar adakan tempat khas bagi orang² Melayu untuk belajar dalam perniagaan dan perusahaan di-atas hal economy. Sunggoh pun Kerajaan telah mengambil tugas melateh beberapa penuntut² di-luar bandar dengan urusan RIDA berkenaan dengan hal-ehwal perniagaan, tetapi malang-nya penuntut² itu manakala sudah lulus di-Latehan RIDA mereka pulang ka-kampung diam sahaja tidak menjalankan apa² perusahaan dan tidak di-beri panduan dan galakan kapada penuntut² itu. Sa-lepas di-adakan ranchangan² yang tegas boleh-lah di-laksanakan dengan jangka panjang. Perkara keempat ia-itu penerangan dengan chara luas meliputi seluroh Persekutuan ini. Penerangan di-atas kedudukan orang² Melayu, sekarang bagini, keadaan orang² Melayu tidak memuaskan, bagini amalan-nya yang tidak baik yang boleh merugikan orang² Melayu, mesti-lah orang² Melayu bekerja lebeh giat lagi di-bandingkan dengan saudara² yang lain berusaha dengan bersunggoh² membantu 'azam mereka itu untuk meninggikan taraf hidup, ini chara-nya bagaimana hendak meninggikan taraf hidup economy orang² Melayu dan tunjok ajar dan nasihat yang berkesan yang boleh di-terima bagi akal, kalau-lah ada penerangan² yang tidak dapat di-terima, ini harus akan mendapat bingkangan juga. Jadi dalam hal-ehwal menjalankan perusahaan² ini, saya yakin dan perchaya peruntukan dalam Kementerian ini tidak chukop banyak tenaga² di-tumpukan ka-arrah wholesaler, bahkan yang penting sa-kali ia-lah retailer, umpama-nya perusahaan dhoby yang boleh mendatangkan banyak faedah, bagitu juga gunting rambut, tukang jahit dan lain² lagi. Ini mesti-lah di-beri galakan yang istimewa. Dengan ada-nya keluasan pembangunan dengan chara perusahaan yang kechil² ini maka dengan sendiri-nya dua tahun lagi tentu-lah keistimewaan bagi orang² Melayu dalam hal ini akan naik sa-taraf dengan bangsa² asing dalam negeri ini. Jadi kita tunjukkan kapada perusahaan² yang wang daripada kumpulan ini balek kapada kumpulan yang ada ini. Sharikat kerjasama dengan chara lain, saya fikir mustahak di-ambil bahagian.

Perkara yang kelima ia-lah perkara yang mustahak untuk di-beri penerangan² tentang kesanggupan orang² Melayu menerima chadangan atau nasihat daripada mereka, jikalau orang² Melayu sendiri tidak suka dan insaf ia-itu kedudukan ekonomi di-mana mereka tidak sanggop menerima nasihat dan tidak sanggop menukar sikap dengan chara fikiran mereka, atau tidak sanggop bekerja lebeh lagi daripada masa yang sudah², tidak sanggop menghapuskan chara² burok dan juga tidak sanggop menghapuskan adat-istiadat yang di-kongkong dalam jiwa orang² Melayu dengan chara membazirkan wang saperti kenduri, lawatan² dan lain². Ini-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan kita, dan bagi kita orang² Melayu patut-lah tanamkan semangat baharu demi kepentingan mereka. Kita sa-bagai orang² Islam tahu dan juga daripada kaum ibu dapat mengubah keadaan hidup walau dari apa juga, baik atau burok hendak-lah di-tanggongkan oleh mereka sendiri, sunggoh pun Kerajaan ada memberi galakan—chuma hendak memperbaiki—tetapi yang hendak mengubah kebaikan itu ia-lah daripada kaum kita sendiri. Ini semua-nya yang hendak di-tegaskan kapada orang² Melayu.

Satu perkara yang saya ingin hendak berchakap lagi ia-lah berkenaan dengan pelanchong. Saya tahu di-negeri² lain Jabatan Pelanchong ini dengan usaha mereka telah mendatangkan banyak wang dalam negeri. Sa-bagaimana penerangan dari Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tadi, tafsiran sa-banyak 10 juta ringgit sa-tahun yang kita dapat daripada luar negeri. Saya berharap supaya di-beri galakan dan di-beri peluang yang lebeh banyak lagi dengan chara penerangan dan juga iklan² kapada seluroh Kedutaan² kita di-luar negeri supaya dapat menarek pelanchong² datang ka-negeri kita. Dengan itu supaya jabatan ini mengadakan beberapa ranchangan sa-bagai daya penarek ia-itu hendak melihat negeri kita ini, kerana sa-bagaimana yang kita lihat empangan ayer di-Cameron Highlands di-mana satu tempat yang sangat menarek, dan kalau boleh di-adakan Houseboat

dalam empangan itu untuk menarek pelanchong² tinggal dalam dua tiga malam dengan di-siapkan bilek tidor, bilek mandi dan sa-bagai-nya. Ini sangat menarek bagi pelanchong² itu dan patut juga di-adakan park sa-bagaimana yang saya dapati di-negeri Jepon di-adakan taman rusa. Beberapa ekor rusa yang jinak² di-adakan—kita ada banyak rusa² yang jinak dalam hutan² supaya di-jinakkan, dan saya perchaya orang² suka melihat bagaimana rupa rusa, pelandok dan lain². Ini ada-lah satu usaha yang boleh menarek orang² datang dari luar negeri.

Pada akhir-nya, saya menyambut baik di-atas langkah Kementerian ini hendak mendaftarkan trade mark bagi ahli² perniagaan dalam negeri ini. Ini satu chara yang saya harap dapat di-laksanakan dengan baik supaya dapat di-daftarkan trade mark—tanda mereka itu daripada negeri lain, kerana dengan ini akan mendapat sedikit wang daripada pendaftaran yang boleh bertambah daripada perbelanjaan negeri kita ini.

Dato' Mohd. Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap pada muka 70—Government Rubber Replanting Scheme—Headquarters dan muka 74 sub-head 18—Supervision for the Rubber Industry (Smallholders New Planting) Scheme, 1957. Saya berasa dukachita apabila mendengar bertalu² daripada Menteri² dan juga daripada wakil² Yang Berhormat dari pihak Kerajaan yang mengatakan kema'muran telah terchapai bagi orang² kampong sekarang. Baharu sa-bentar tadi, kita telah pun mendengar penerangan dan pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ia-itu dalam soal pasar minggu dan sa-bagai-nya yang patut di-baiki atau pun mendapat pandangan daripada Kerajaan. Satu daripada factor lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah dalam soal pekebun² kechil yang di-punya'i oleh orang² Melayu di-kampong². Sunggoh pun ranchangan ini satu ranchangan yang baik, yang boleh mendatang atau merupakan satu perubahan iktisad bagi orang² Melayu di-kampong, tetapi ranchangan ini belum-lah benar² merupakan satu

ranchangan yang telah memberi kejayaan kepada orang² kampong. Saya suka menyatakan ia-itu daripada jumlah 1,980 juta ekar kebun kechil 522,453 ekar telah di-tanam sa-mula. Apa yang saya dukachitakan sa-hingga hari ini, Tuan Pengerusi, ia-lah satu penyata yang menunjukkan berapa-kah luas kebun kechil yang 5 ekar dan kurang daripada 5 ekar yang di-tanam sa-mula yang mendapat kejayaan sa-luas 150,000 ekar. Tetapi ini tidak menunjukkan berapa pula jumlah kebun besar (estate) yang telah di-pechahkan² yang telah mendapat bantuan daripada Ranchangan Menanam Sa-mula. Saya perchaya daripada jumlah 1,980 juta ekar yang di-katakan kebun kechil, maka lebeh kurang 30 peratus ada-lah kebun kechil 5 ekar dan yang kurang daripada 5 ekar. Jika di-kira kebun kechil yang 5 ekar dan kurang daripada yang 30 peratus itu maka jumlah-nya lebeh kurang 660,000 ekar luas-nya. Jika tiap² sa-ekar getah yang tua itu boleh mengeluarkan susu £1 sa-hari berma'ana £660,000 susu dapati pada sa-hari, dan kalau di-kira chukai (cess) 4½ sen yang di-kenakan tiap² £1 maka akan berjumlah \$29,700 sa-hari wang itu di-masokkan ka-dalam tabong menanam getah sa-mula, walhal ranchangan menanam getah sa-mula telah berjalan hampir² 10 tahun, dan kalau-lah di-kira chukai (cess) 4½ sen berapa juta ringgit yang telah di-kumpulkan. Saya perchaya daripada 660,000 ekar yang saya sebutkan tadi, lebeh kurang 30 peratus sahaja yang telah chuba menanam sa-mula, tetapi kita tidak-lah tahu berapa-kah daripada jumlah ini yang telah berjaya.

Saya yakin dan perchaya bahawa sa-bilangan besar orang yang mempunyai tanah 5 ekar dan yang kurang 5 ekar ka-bawah itu ia-lah orang Melayu ia-itu lebeh kurang 98.08 peratus dan 1.2 peratus sahaja di-punya'i oleh orang bukan Melayu. Apa yang mendukachitakan saya pada hari ini ia-lah chukai (cess) 4½ sen yang di-kenakan tiap² £1. Wang kumpulan itu ada-lah di-gunakan kepada kebun besar yang 60-70 ekar, walhal wang itu ada-lah wang untuk menolong menanam sa-mula kebun kechil. Bagitu juga, saya berasa dukachita ia-itu

orang² kaya dan kapitalis telah membeli estate² atau ladang² besar dan memecahkan² (fragmentation) estate itu dan mereka telah mendapat bantuan daripada ranchangan menanam sa-mula bagi menanam kebun² itu. Tujuan Kerajaan dahulu ia-lah hendak memperbaiki keadaan orang kampung dan pekebun² kecil yang mempunyai tanah 5 ekar dan yang kurang 5 ekar ka-bawah. Maka tentu-lah Kerajaan akan mengatakan perkara itu tidak-lah boleh di-salahkan kepada pihak Kerajaan, maka terpulang-lah kepada tuan tanah itu sendiri bagi mereka itu hendak berusaha menanam sa-mula.

Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan ia-itu orang Melayu di-kampung² itu lazim-nya mempunyai tanah 2-4 ekar. Kalau hendak di-tebang pokok² getah itu untuk di-tanam sa-mula, maka tentu-lah menjadi kesulitan kepada mereka itu untuk mencari kehidupan sementara menunggu hasil-nya daripada menanam sa-mula itu, yang akan mengambil masa 7-8 tahun baharu-lah pokok² getah itu boleh di-toreh. Barangkali Yang Berhormat Menteri tidak menyiasat keadaan orang² Melayu di-kampung² itu tentu-lah beliau akan mengatakan orang kampung itu senang, mewah dan ma'amor. Saya sendiri tahu benar² keadaan orang kampung itu. Sa-tengah kebun² getah yang di-punyai oleh orang kampung di-dapati kulit pokok² getah itu telah habis rosak dan terpaksa di-panjat dengan menggunakan tangga untuk menoreh pokok² getah itu. Kalau pokok² getah ini di-tebang untuk di-tanam sa-mula, maka mereka tidak berupaya mencari kehidupan sa-chara yang lain. Saya menarek perhatian perkara ini supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan dengan sa-halus²-nya bagi mengambil langkah² yang tegas bagi memperbaiki keadaan orang kampung yang mempunyai kebun getah yang 5 ekar dan yang 5 ekar ka-bawah itu, sebab sa-bagai mana yang saya sebutkan tadi chukai (cess) 4½ sen £1 yang di-kenakan kepada mereka itu ada-lah milek mereka, wang yang sa-patut-nya di-gunakan hanya kepada mereka pekebun² kecil.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan

Supervision for the Rubber Industry (Smallholders New Planting) Scheme, 1957. Dalam perkara ini Kementerian patut menjalankan initiative yang sunggoh² supaya tanah² dapat di-beri kepada pekebun kecil yang 5 ekar ka-bawah menanam getah baharu, sebab mereka berasa kesulitan bagi menjalankan ranchangan menanam sa-mula, kerana mencari kehidupan sementara menunggu hasil getah yang di-tanam dalam masa 7 dan 8 tahun. Maka ini-lah yang saya minta supaya pihak Kementerian ini menjalankan sunggoh² supaya dapat memberi tambah tanah kepada pekebun² kecil itu dalam dua atau tiga ekar tanah baharu dan di-gunakan menanam sa-mula bagi menjayakan tanah itu. Apabila telah besar pokok² getah-nya dan mendapat hasil-nya kemudian itu baharu-lah boleh mereka itu menjalankan pula ranchangan menanam getah bagi tanah lama mereka. Sunggoh pun kuasa tanah ada-lah kuasa Kerajaan Negeri tetapi terpulang-lah kepada kebijaksanaan Kementerian ini sendiri menjalankan ikhtiar atau menjalankan initiative yang sunggoh² supaya dapat memperbaiki keadaan orang² yang mempunyai tanah 5 ekar dan 5 ekar ka-bawah supaya nasib mereka itu dapat di-pelihara tetapi tidak-lah saya suka mendengar daripada pihak Kementerian ini mengatakan orang² Melayu malas dan tidak bersunggoh² yang menyebabkan menanam sa-mula belum dapat memberi khidmat kepada pekebun² kecil.

Dalam muka 70—Industry Development. Dalam soal perusahaan² dan kilang² yang telah tumbuh berselerak dalam negeri kita ini yang mana kerap kali pihak Kerajaan menyatakan bahawa kema'amoran yang ada pada hari ini ada-lah di-sebabkan banyak-nya kilang² perusahaan. Saya suka menyentoh sedikit hal ini, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pekerja² dalam kilang², kerana pada suatu masa dahulu saya sendiri telah pernah membawa satu usul supaya di-buat satu undang² bagi mengambil anak² Melayu bekerja di-dalam kilang² itu. Kerana dengan tidak ada-nya satu undang² maka harus-lah anak² yang tidak berpekerjaan telah tidak dapat peluang bekerja dalam kilang² dan perusahaan². Walhal hari

ini, Tuan Pengerusi, kita telah melihat betapa banyak anak Melayu yang terlantar yang tidak mempunyai pekerjaan. Maka sebab itu-lah saya telah mengesahkan usul itu dahulu, tetapi malangnya pehak Yang Berhormat bekas Menteri Perdagangan dan Perusahaan dahulu telah memberi pengakuan bahawa anak² Melayu akan dapat peluang bekerja dalam kilang² dan perusahaan. Kerana ada-nya ikhtiar² dan rundingan² yang telah di-jalankan oleh pehak Kementerian dengan pehak taukeh² dan tuan² punya kilang² dan perusahaan².

Saya merasa sangat dukachita dan terkejut pada satu masa dahulu Yang Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan di-Parlimen ini sa-masa membahath pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berhubung undang² kera'ayatan pernah mengatakan tidak puas hati-nya kepada tuan² yang punya kilang² dan perusahaan tidak mahu mengambil anak² Melayu bekerja dalam kilang² dan perusahaan. Maka ini satu perkara yang sangat mendukachitakan kepada orang² Melayu. Dan saya tidak-lah suka mendengar lagi pehak Kerajaan mengatakan bahawa kema'amoran telah terchapai dalam negeri ini tetapi banyak factor² yang menunjukkan ra'ayat belum merasa kema'amoran itu. Maka ini-lah saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri menjalankan ikhtiar² dan langkah² supaya anak² Melayu bekerja dalam perusahaan di-beri peluang yang ada dalam negeri ini. Jangan-lah hanya kita mengadakan banyak perusahaan seperti yang telah tumbuh di-Petaling Jaya dan di-mana² pun akan tetapi berapa orang-kah anak² Melayu yang dapat berpeluang bekerja di-sana. Sudah-lah anak² kita telah ketinggalan ka-belakang dalam beberapa segi, maka beri-lah peluang kepada anak² Melayu bekerja dalam lapangan perusahaan dan kilang², jadi orang² Melayu dapat-lah bersama² mengechap kenikmatan dan kema'amoran yang ada dalam negeri ini.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, before I speak under this Head, I would like to comment on the observations made by the Honourable Member for Damansara

who cautioned the Prime Minister not to criticise or treat friendly countries as unfriendly if we intend to trade with them. I think we can consider the Government of Brunei under the Sultan a friendly country, but it confounded me really when he referred to the revolutionary Government of Azahari as a friendly Government. I can understand his sympathy with Azahari, the leader of the Party Ra'ayat, but it beats me and my colleagues when he referred to the new Government as a friendly Government.

Another point I would like to touch on is in regard to his argument about these foreign interests, such as Shell Co., Caltex and so on, which have opened or will be opening factories in Malaya, and he alleges that our Government is dish-washing and so on. I really cannot understand how he plans to step up the economy of the country if we do not encourage these foreign capitals to invest in this country. I think he should instead be proud that these foreign investments have come to our country, and have thus given employment to so many people in this country and so saved much unemployment. These foreign capitals have argued our revenue in the form of taxes and assessments, and have to some extent helped our country economically. I cannot really therefore understand why the Hon'ble member is against foreign capitalists investing in this country.

Sir, coming now to this Head of Ministry of Commerce and Industry, I would like to refer to Government Rubber Replanting Scheme on page 70. I would like to touch on this Replanting Scheme especially with reference to Fund "B". In the State of Penang, conveyance of lands and estates, as we all know, are being done by lawyers and when the deeds of conveyance are sent to the Collector of Stamp Office for adjudication, it takes a long time for these deeds to come up from the Stamp Office, and in certain cases it has even taken nearly two years. Because of this, it has prevented the owners from applying for grants from this Replanting Scheme. The

Government Replanting Board would require applicants under this Scheme to produce title deeds before the applications would be considered. I think the Minister is aware of this and in view of the delay by the Stamp Office, the owners have found it impossible to apply for these grants and thereby replanting on their lands has got to be postponed sometimes for as long as two years after they have purchased the land. In view of such difficulties, I would, therefore, like to appeal to the Minister of Commerce and Industry—and I know he is always very sympathetic towards any appeal brought on behalf of the public as even the most staunch critic of the Opposition has showered their praise on him recently—and I hope he will take this appeal of mine into consideration and get the Replanting Board to accept letters from the lawyers stating that the lands of the applicants for this fund have been legally transferred although the deeds have not yet come out of the Stamp Office. After the new owners have already gone into possession of the lands and have started to tap, there will be no difficulty for the Replanting Board to consider applications on a certificate by a lawyer to the effect that the deeds have been duly and properly conveyed.

I know, Sir, that in the previous two years appeals have been made to this Board for considering these applications without the titles being produced, but those cases were in respect of owners who had purchased portions of fragmented estates, and there were difficulties then because of sub-divisions and surveying, etc., and it is not my intention here to champion those fragmented estate owners. I would like now to champion the cause of those who have bought and are buying estates not connected with fragmentation. There are a lot of them. Of cause, when we come to deal with the Ministry of Finance later on, I will again touch on the delays caused in the Stamp Office in adjudicating title deeds. This I think is peculiar to Penang. I do not know whether it also affects Malacca, but in States like Kedah title deeds will show everything on them as in the case of

Surat Putus which could be prepared by any petition-writer, and executed without much delay. But in Penang all these conveyances are done by lawyers and with the proper description given in the Deed it would be enough for the Replanting Officer to check from the Register in the District Office the title and the acreage of the land and the type of the Estate. I think this would suffice for the Replanting Board to consider the application with a letter from the solicitors confirming that transfer has taken place.

Enche' Too Joon Hing: Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head S. 14, sub-head 1 under Exports Commodities Division. Sir, during the introduction of the Budget the Finance Minister announced that the duty for iron ore would be increased by 5 per cent, i.e., from 10 to 15 per cent. Sir, although the export duty side of this industry concerns the Finance Ministry, but however the commercial and industrial side definitely concerns the Ministry of Commerce and Industry.

Sir, iron ore mining has become one of the important mining industries in this country now-a-days, ever since Japan began to buy Malayan iron ore. In pre-war days, if I am not mistaken, iron ore mining was only carried out on the East Coast, particularly in Dungun, by the Japanese. Now-a-days everybody seems to think that iron ore mining is a very easy way of getting rich and, therefore, they have all concentrated on mining iron ore in trying to get rich. But if we take a careful survey, I don't think iron ore mining is so prosperous as it would seem. In Perak recently we had many mines closing down due to lack of demand, or sometimes the ore is not of sufficiently high grade. The increase of 5 per cent in export duty may not seem very much on the iron ore mining industry, but however due to outside events it may affect and retard the iron ore mining industry in this country. Take, for instance, and I quote here the *Sunday Times* dated November 11th in which it is stated that Japan and China have signed a trade pact. Sir, I would like to quote some of this

so that the Minister will be aware of what is going to affect our iron ore mining industry. It says here—

"A memorandum was signed in Peking by Tatsunosuke Takasaki, leader of a Japanese Trade Mission to Red China, and Liao Cheng Chih, chairman of the Asia-Afro Committee, the New China news agency monitored in Tokyo, said.

"The signing ceremony was attended by Chinese Premier Chou En-Lai, Vice-Premier Chen Yi, other high Chinese officials and members of the visiting Japanese Trade Mission.

"The memorandum was based on the talks held between Chou En Lai and Kenzo Matsumura, former Education Minister, who visited Peking in September, calling for expansion of Sino-Japanese trade and for the development of private trade between the two countries on the basis of equality and mutual benefit and by gradual cumulative methods."

And what are the commodities involved between the two countries?

"The major goods to be exported by the two sides are coal, iron ore, soya beans, maize, and so forth from Red China to Japan."

Mr Chairman, Sir, we all know that Japan came to buy our ore, although Japan used to buy ore from India, because of freight and so forth. However, we know that from the beginning of this year Japan has reduced its imports of Malayan iron ore by about 15 to 20 per cent. With this announcement I hope the Minister will bear it in mind and scrutinise the development of this trade pact between China and Japan. It might affect the iron ore mining industry in this country, because the exporting of iron ore from China to Japan would save them a lot of freight and the concentrate in Chinese iron ore is much higher. Therefore, I would like him to bear this in mind, and if necessary the increase in export duty should be reduced when that situation arises. He should also keep a careful watch over this matter together with the Finance Minister. Certainly we do not like the iron ore mining in this country to be affected by this, because it would not only affect our economy but it would also affect the labour problem in this country. So, I would like the Minister to bear in mind all this, so that nothing would happen to our iron ore mining industry. I am not an iron ore miner (*Laughter*).

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya ada-lah mengalu²kan peruntukan dalam Kementerian ini. Sa-lain daripada itu, saya gemar menarek perhatian atas perkara Menanam Getah sa-Mula di-muka 70. Walau pun perkara ini telah banyak di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat, tetapi menurut pendapat saya, ada perkara² yang patut di-fikirkan atau di-kaji oleh Kementerian ini. Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih daripada ra'ayat ia-itu pekebun² kecil khas-nya orang² Melayu, sebab Kementerian ini telah memberi bantuan mula² pada tahun hadapan bantuan menanam getah sa-mula sa-banyak \$750 pada satu ekar, dan saya perchaya atas bertambah-nya bantuan ini, maka bagi pehak pekebun² kecil akan dapat meluaskan lagi usaha-nya bagi meneruskan ranchangan ini.

Apa yang saya hendak menarek perhatian dalam perkara ini berhubung dengan ranchangan menanam getah sa-mula ia-itu pekebun² kecil kita ta' dapat menerima bantuan daripada Lembaga Menanam Getah sa-Mula itu walau pun grant tanah mereka itu daripada grant getah, ia-lah oleh sebab di-sharatkan bahawa di-atas tanah itu mesti-lah ada pokok getah beberapa peratus pokok, tetapi malang-nya pekebun² kecil ini grant-nya itu grant getah, dan di-atas tanah tersebut tidak ada pokok² getah, dengan sebab di-bakar atau musnah daripada masa dharurat dahulu. Dengan sebab saparoh daripada orang² kita bernasib saperti itu, mereka tak dapat bantuan daripada lembaga ini, saya harap supaya Kementerian ini akan menyelideki sa-mula supaya di-beri tiap² mereka yang mempunyai grant getah kurang dari 5 ekar bantuan yang sa-umpama itu di-luluskan penanaman getah-nya. Dalam usaha menebangkan getah sa-mula dan pekebun² kecil baharu dengan mempunyai jenis beneh yang baik atau getah kahwin, saya mengharapkan supaya Kementerian ini memberikan pelajaran kepada pekebun² kecil dan orang² kampong itu dalam hal getah. Saya gemar mengeshorkan supaya di-banyakkan lagi pegawai² penyelidek hal ehwal getah di-daerah² dan mukim² khas-nya dalam

negeri yang banyak getah, sebab saya mengharapakan begitu, kalau pokok² getah baka yang baik tetapi mereka itu tidak tahu menggunakan atau tidak tahu menjaga pokok² getah, maka pokok² getah itu akan menjadi rosak hidup-nya dan dengan sebab yang demikian kehidupan mereka akan meliset. Pokok² getah itu patut kita jaga macham isteri kita juga, jaga kebersehan kesihatan-nya dengan makanan-nya yang chukup—isteri yang kita kahwin 40 tahun itu rupa-nya macham 20 tahun juga.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, on a point of order, 36 (9). Itu sa-bagai menghina kaum wanita—ada-kah pokok getah di-samakan dengan kaum wanita?

Mr Chairman: Tidak, ini dia mengatakan jika sa-kira-nya orang itu kahwin sudah 40 tahun ma'ana-nya sama dengan rupa-nya 20 tahun. Itu sa-bagai mithal-nya sahaja!

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya ta' kuasa-lah melayan Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu. Saya meneruskan ucapan saya atas mithal—pokok getah kahwin yang 40 tahun itu menurut pendapat yang saya tahu bahawa semenjak dia di-toreh sa-hingga dia berumur 40 tahun, tetapi jika tidak jaga betul, tidak mengikut nasihat, maka pokok² getah itu sampai 10 tahun sahaja sudah rosak—susunya sudah kering. Ini ta' ada kena-mengena dengan apa yang di-fikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu. Saya tidak menghina kaum wanita!

Sa-lain daripada itu, saya gemar menarek perhatian supaya pegawai penyiasat hal ehwal getah di-banyakkan di-mukim². Tujuan saya ia-lah supaya mengajar pekebun² kechil itu atau pun orang² di-luar bandar yang ada mempunyai kebun² getah supaya mereka itu dapat pengetahuan dari hal getah, dari segi penanaman, dari segi membeku getah, dari segi menjual dan lain² lagi. Itu yang saya maksudkan walau pun terjadi di-kampong², orang² kampong sekarang manakala dia hendak masok ka-estate atau hendak masok menoreh getah kahwin, mereka itu tidak di-terima oleh majikan oleh

sebab mereka tidak ada kepandaian menoreh getah. Menoreh getah hendak ada sijil sekarang, kalau tidak ada kepandaian yang sa-macham itu, dia ta' dapat di-terima bekerja di-tempat itu. Saya mengharapakan supaya Kementerian ini mengadakan kelas² di-mukim² atau di-kampong² supaya mengajar kapada orang² kampong dalam hal ehwal getah, dan dalam masa 6 bulan mereka itu akan mendapat sijil, mudah²an mereka akan mendapat kerja di-estate². Saya minta ini bukan sahaja di-ajar kapada kaum laki² bahkan juga kapada kaum² ibu. Dan dengan ada-nya sijil kepandaian bagi penduduk² luar bandar dalam hal menoreh getah itu, saya perchaya ini satu daripada perkara yang boleh mengurangkan kesulitan pada Kerajaan sekarang ia-itu berhubung dengan penganggoran. Dengan ini saya mengharapakan kapada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil perhatian yang sunggoh² supaya dapat-lah ra'ayat di-luar bandar yang mananam pokok² getah kahwin yang di-harap 40 tahun itu boleh kekal sampai 40 tahun.

Tuan Pengerusi, saya berchakap sadikit lagi pada muka 71 dalam bahagian Menggalakkan Pelanchong. Hal ini walau pun telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat, saya nampak ada beberapa perkara yang patut saya fikirkan supaya mendapat perhatian Dewan ini. Kita juga harus sentiasa berusaha mengendahkan negeri ini, kerana menarek pelanchong² datang ka-mari akan menjadi sumbar juga terhadap ekonomi negara sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan sa-waktu mengemukakan usul ini, dan sa-harus-nya tidak berasa bimbang dengan membelanjakan wang yang banyak untuk keindahan dan kepermaian Persekutuan Tanah Melayu ini. Malaya sa-buah negeri yang harum pada penchium dan pendengar dunia luar. Ranchangan yang boleh menchantekkan Tanah Melayu ini supaya mengghairahkan pelanchong² ada-lah satu² kemajuan. Apa yang saya harapkan dalam usaha ini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bungalow—rumah kawasan pelanchong

dalam negeri ini yang menyebabkan orang² Melayu kurang tertarek pergi ka-bungalow² itu, pada hal orang² Melayu ada kemampuan untuk mengambil riha, tetapi di-sebabkan satu perkara yang bungalow² kawasan pelanchong itu tidak menyajikan makanan yang berchorak Tanah Melayu ini, menyajikan makanan barat, ini ada-lah satu sebab yang keluarga² Melayu itu ta' berapa ingin hendak pergi mengambil riha di-bungalow² tersebut. Apa yang saya harapkan sa-lain daripada makanan barat hendak-lah di-masokkan juga makanan² masakan Tanah Melayu, umpama-nya satay dan lain² lagi yang sa-suai dengan bungalow² itu. Ini bukan sahaja saya maksud bungalow² di-tempat² pelanchong, tetapi juga di-mana² hotel yang besar dalam negeri ini yang menginapkan pelanchong² itu supaya memasokkan makanan chorak Tanah Melayu yang mereka itu ingin di-hidangkan. Mudah²an dengan ada-nya masakan Tanah Melayu ini, saya perchaya pelanchong² itu akan merasa belachan Tanah Melayu, dan mereka akan selalu suka datang ka-Tanah Melayu ini kelak.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya minta kapada pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya mengadakan penyiasatan kenapa orang² Melayu lemah dalam perekonomian, kerana saya merasa, Tuan Pengerusi, walau pun pehak pemimpin² Perikatan selalu mengagong²kan bahawa Tanah Melayu ini aman, ma'amur dan ada yang mengibaratkan sa-bagai sa-buah bintang yang memberi chahaya menyebabkan

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu Jempol): On a point of order.

Mr Chairman: (Kapada Che' Khadijah) Jemput dudok dahulu!

Enche' Mohamed bin Ujang: Standing Order 36 (1). Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu berchakap ta' ada tentu-nya apa yang dia hendak berchakap, dan apa ada kena-mengena dengan perbahathan kita pada pagi ini. Jadi saya minta-lah, Tuan Pengerusi,

supaya dia mengikut undang² Standing Order 36 (1) ini.

Mr Chairman: Dia boleh berchakap, chuma dia menerangkan dalam permintaan-nya.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya rasa, saya tidak-lah sa-bodoh Ahli Yang Berhormat itu (*Di-sampok*).

HONOURABLE MEMBERS: Tarek balek!

Mr Chairman: Apabila saya sudah beri ruling jangan-lah mengatakan bodoh. Sabar-lah sedikit; terangkan satu persatu apa yang puan hendak chakapkan. Saya harap Ahli² Yang Berhormat jangan-lah menyampok apabila sa-orang Ahli itu berchakap, sebab perkara itu tidak molek benar².

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, on a point of order Standing Order 36 (4). Saya minta Yang Berhormat itu menarek balek perkataan bodoh itu.

Mr Chairman: Mengikut Standing Order 36 (4), perkataan "bodoh" itu tarek balek.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, saya kata "bodoh", bukan biadab.

Mr Chairman: Apabila saya perentahkan tarek balek, hendak-lah puan tarek balek. Puan hendak-lah dengar perintah Tuan Pengerusi. Jangan-lah jadikan tempat ini tempat berperang. Saya sudah memberitahu ada-lah perkataan "bodoh" itu tidak menasabah di-gunakan dalam Majlis ini. Puan hendak-lah tarek balek perkataan "bodoh" itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Kerana menghormati, Tuan Pengerusi, saya tarek balek. Tuan Pengerusi, ada pemimpin Parti Perikatan memberi chontoh bahawa kema'amoran Tanah Melayu ini ada-lah ibarat bintang yang memberikan chahaya-nya yang sangat chemerlang. Tetapi, Tuan Pengerusi, chuba lihat bagaimana kehidupan orang kampong dan bagaimana keadaan ekonomi anak bangsa jati negeri ini—saya rasa ada-lah 'ibarat ayam yang mati kelaparan dalam kepok padi. Sunggoh

pun Tanah Melayu tanah pusaka nenek-moyang orang Melayu mewah, tetapi orang Melayu papa, sebab perekonomian ada-lah di-pegang oleh bangsa asing. Saya minta saudara saya daripada orang Melayu di-dalam Parti Perikatan menginsafi dan menyedari hal ini semua-nya.

Tuan Pengerusi, saya ingin membaca *note book* yang di-beri oleh Malayan Railway kepada pelanchong yang datang ka-negeri kita ini. *Note book* ini mengatakan: "Ibu Kota Persekutuan dan juga Kepala negeri Selangor ia-lah sa-buah bandar yang sebak yang di-dudoki lebih kurang 250,000 orang. Bandar ini berupa bandar Inggeris, China dan kampung Melayu di-champor menjadi satu." Jadi, Tuan Pengerusi, negeri ini tanah pusaka dato' nenek-moyang orang Melayu, tetapi bandar-nya, ia-itu Kuala Lumpur ini, dengan kedai yang besar² untuk perekonomian ada-lah menjadi bandar Inggeris, China dan terselit kampung² Melayu. Ini ada-lah di-tulis tentu dengan persetujuan daripada Kementerian Pengangkutan, Tuan Pengerusi. Kalau kita pandang di-sini memang sedeh, Tuan Pengerusi. Marilah kita lihat di-seluruh bandar yang besar² dan bandar² yang kecil seperti Kluang, atau yang lebih kecil daripada itu; semua kedai² itu di-punyai oleh bangsa asing. Saya tidak menyalahkan bangsa asing itu, tetapi saya menyalahkan pemimpin orang Melayu yang mengagongkan² tetapi tidak berusaha untuk membaiki keadaan ekonomi bangsa kita.

Oleh itu, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang mana beliau itu ia-lah anggota MCA yang mempunyai pengalaman dalam soal perekonomian supaya mensembangkan keadaan taraf perekonomian anak jati negeri ini dengan bangsa asing yang telah mempunyai kema'amoran dan kemajuan yang pesat dalam soal ini. Jadi saya minta melalui Yang Berhormat Menteri jasa baik daripada saudara² bangsa yang telah mempunyai kema'amoran dengan pesat dalam perekonomian ini supaya menolong melateh orang Melayu. Dengan chara ini baharu-lah nampak bahawa kita bersatu dan mahu hidup dengan aman dan

damai dalam negeri ini. Saya dapati di-mana sahaja kedai yang besar² dan perusahaan maseh sangat sedikit bilangan anak Melayu yang di-ambil menjadi pekerja.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyebutkan sa-mula berkenaan dengan penjaja Melayu di-beberapa tempat. Di-sini saya suka membaca manifesto Parti Perikatan sa-belum Pilehan Raya yang berbunyi: "Di-dalam ekonomi perdagangan dan perusahaan meneruskan pemberian segala rupa bantuan kepada orang² Melayu untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dengan tidak merosakkan kepentingan² yang halal bagi lain² kaum sa-bagaimana yang tersebut dalam Perlembagaan." Tuan Pengerusi, kejadian yang saya sebutkan tempoh hari telah di-beri penjawapan oleh pehak yang berkenaan, tetapi saya rasa penjawapan itu belum memuaskan hati. Tuan Pengerusi, penjaja Melayu yang di-tangkap dan penjualan mereka itu telah terbantut sa-hingga hari ini yang saya katakan itu ia-lah di-Muar, dan Yang Berhormat dari Muar Utara telah menjelaskan tempoh hari bahawa itu ada-lah berhubung dengan lesen.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan kalau saya di-beri jalan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya beri jalan.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya penjaja Melayu yang ada di-bandar Maharani, Muar, sampai sekarang ini menjalankan perniagaan-nya. Saya ada menengok. Kalau Yang Berhormat itu hendak menengok, jemput-lah datang pada pagi². Dan kebanyakan orang yang dapat lesen berniaga itu ada-lah ahli² PAS.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, di-dalam soal perekonomian ini maka saya tidak memandang ahli² PAS. tidak memandang Parti Negara dan tidak juga memandang ahli UMNO. Bagi saya sendiri walau pun saya ahli PAS tetapi, bagi kepentingan orang² Melayu walau pun saya dudok dalam Parti UMNO saya sedia menolong orang

Melayu demi kepentingan kebangsaan kita, Tuan Pengerusi (*Tepok*). Tetapi ta' tahu-lah saya kalau sa-kira-nya saudara² Yang Berhormat khas-nya Yang Berhormat dari Muar Utara yang hanya memandang orang² Melayu dalam Perikatan sahaja, Tuan Pengerusi. Tetapi menangkap orang² Melayu itu yang datang dari satu gugusan pulau² Melayu dan sa-darah sa-daging dari keturunan nenek moyang kita, bukan-lah di-perkecilkan seperti apa yang di-katakan oleh wakil Muar Utara itu.

Mr Chairman: Pedulikan sahaja-lah.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tidak boleh di-pedulikan, Tuan Pengerusi. Wakil Yang Berhormat itu hanya mengatakan sebab mereka itu ditangkap dan di-rampas barang²-nya kerana tidak ada mempunyai lesen. Lesen ini ada-lah soal kecil sahaja sebab tidak-kah saudara² Yang Berhormat yang bertanggung jawab di-dalam kawasan itu boleh menolong orang² ini sa-bagaimana yang telah di-tetapkan dalam manifesto yang saya sebutkan tadi, ia-itu akan mengikhtiar segala bantuan kepada orang² Melayu termasuk-lah memberi mereka itu tempat yang baik, berikan-lah lesen supaya mereka itu dapat menjual terus

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, Standing Order 36 (1). Berkenaan dengan lesen ini tidak ada kait mengait dengan Parlimen ini bahkan perkara itu ada-lah perkara Majlis Tempatan. Saya harap perkara ini di-serahkan kepada Majlis Tempatan sahaja bukan di-Parlimen ini.

Mr Chairman: Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat, sungguh pun berkenaan dengan lesen ada sangkut-nya dengan perkara ini tetapi untuk mengeluarkan lesen itu tidak ada kena mengena.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, sa-betul-nya saya membawa perkara lesen ini kerana hari itu Yang Berhormat wakil Muar Utara sudah membawa soal itu, jadi saya mengulas, Tuan Pengerusi. Saya rasa tidak-lah perkara lesen itu sa-hingga terpaksa di-berhentikan. Sampai ka-hari ini mereka mengeloh kerana

apabila berniaga maka datang-lah Polis menangkap mereka. Memang ada di-janjikan sa-bagaimana kata Yang Berhormat itu akan membuat tempat tetapi, Tuan Pengerusi, mereka itu selalu di-tangkap dan tidak lama lagi bulan puasa akan sampai sudah itu hari raya pula sampai, tetapi tempat itu belum ada lagi untuk mereka itu. Jadi sa-lama sa-tahun ini dengan apa hendak mereka itu memberi makan kepada anak isteri mereka? Saya harap perkara ini di-ambil perhatian oleh pehak Kementerian ini bagaimana-kah chara hendak menyokong perniagaan² kecil daripada orang Melayu ini.

Dan sangat-lah menghairankan sekali, Tuan Pengerusi, perkara ini tidak di-bawa ka-dalam Majlis Bandaran Muar sana. Yang menghairankan saya sa-patut-nya perkara ini mesti di-per-tahankan kuat oleh ahli² Perikatan supaya orang² Melayu ini di-berikan bantuan atau di-berikan tempat berniaga. Tetapi malang-nya—saudara kita dari pehak asing saya angkat topi, saudara² bangsa asing itu ia-itu sa-orang dari MCA dan sa-orang lagi dari Socialist Front memberi sokongan-nya supaya orang² itu di-berikan tempat—tetapi tiga orang ahli yang terdiri dari orang Melayu dari UMNO sendiri menentang, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya sudah menerangkan perkara lesen ini tidak ada bersangkut dengan perkara yang kita bahaskan ini. Yang Berhormat wakil dari Muar Utara hanya menerangkan sahaja.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Ini saya menyatakan kekechiwaan saya bukan kepada saudara² orang Melayu yang mengambil perhatian, Tuan Pengerusi, tetapi mereka² itu yang menolak-nya.

AN HONOURABLE MEMBER: Kasehan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tidak perlu kasehan. Tuan Pengerusi, saya merasa maseh kuat lagi dan saya tidak memerlukan manusia² yang tidak ada mempunyai perasaan untuk bersempati terhadap wanita sa-hingga merendahkan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu ini. Kalau hendak chabar, mari keluar di-mana sahaja saya akan turut.

Mr Chairman: Saya sudah mengingatkan tadi, di-dalam perkara ini jangan-lah di-bangkitkan perkara² yang lain itu. Saya fikir perchakapan Yang Berhormat ini boleh menerbitkan persengketaan, tolong tumpukan kepada masaalah ini sahaja.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya hormat perentah Tuan Pengerusi, tetapi saya selalu di-ganggu. Itu-lah sebab-nya kadang² saya tidak boleh tahan menchabar-nya balek. Saya tetap menghormati Tuan Pengerusi dalam Dewan ini.

Mr Chairman: Saya sudah berapa kali terangkan kepada semua sa-kali Ahli² Yang Berhormat dalam meshuarat ini.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Oleh sebab saya selalu di-ganggu perkara yang hendak saya chakapkan itu sudah hilang. Tuan Pengerusi, berpaling saya kepada tempoh hari, Yang Berhormat Menteri memberikan penjawapan ia-itu sekarang ada-lah di-buka perusahaan² yang di-adakan penjualan share² kepada orang² Melayu. Ini, Tuan Pengerusi, satu usaha yang bagus yang membawa kepada kebaikan perekonomian orang² Melayu. Tetapi saya merasa sa-chara membeli share atau menjual share itu, Tuan Pengerusi, bagus bagi orang² yang ada mempunyai wang simpanan, atau bagi orang² yang ada punya pekerjaan yang tetap menerima gaji tiap² bulan dan wang itu dapat dikeluarkan sambil dia terus bekerja maka wang gaji kerja-nya itu dimasukkan untuk membeli share ini. Tetapi bagi penjual² atau pun peniaga² kecil daripada orang² Melayu hanya mempunyai modal kecil sahaja—mithal-nya kadang² ada \$30 atau \$50 modal—kalau di-belikan share ini ta' tahu berapa lama baharu di-buka dan sampai berapa tahun baharu di-kira keuntungan atau sa-suatu soal kerugian-kah yang ada di-dalam perusahaan itu. Jadi mereka ini sa-kira-nya ada \$20 dan di-belikan share ini hari dan di-jual balek, mungkin dia dapat keuntungan \$2 atau \$3 dan ini-lah akan di-belanjakan untuk anak isteri. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya peniaga² kecil orang² Melayu, penjualan share ini saya rasa

tidak dapat di-jalankan kerana mereka mengharapkan keuntungan sahaja untuk di-belanjakan kepada anak isteri-nya di-rumah. Saya minta-lah supaya Kementerian ini dengan badan Secretariat yang ada di-negeri² itu dapat menchari usaha bagaimana hendak menolong supaya peniaga² kecil ini dapat menjalankan perniagaan-nya dengan lancar.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1963

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head S. 14—

Resumption of debate on Question!

That the sum of \$2,568,232 for Head S. 14 stand part of the Schedule.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, menyambungkan ucapan saya tadi, saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya menjaga kemasokkan modal² asing dalam negeri ini jangan merosakkan hasil usaha daripada ra'ayat negeri ini, mithalan-nya perusahaan *plastic* yang ada dalam negeri kita hari ini. Saya merasa sa-bagaimana ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Kulim telah menyatakan jangan-lah kita mengikut chara² daripada datok nenek moyang kita sa-bagaimana beliau merendah²kan usaha pandan itu. Beberapa banyak kita nampak di-jual di-pasar minggu di-Kampung Baharu dan ini saya merasa hendak-lah Kementerian yang berkenaan ini supaya mengikut pendapat² daripada Ahli Yang Berhormat itu. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, dengan usaha² *plastic* yang ada dalam negeri ini dan usaha² yang di-buat daripada rotan segala²-nya telah terhimpit, entahlah kerana telah banyak kerusi² yang telah di-buat daripada *plastic* sehingga orang ramai telah lebeh tertarek hati dengan *plastic*² itu sa-hingga kerusi yang di-buat oleh ra'ayat negeri ini tidak berapa laku lagi. Juga beg²

tangan yang di-buat daripada *plastic* dengan berchorak ragam-nya sa-hingga menjatuhkan harga² atau menarek pandangan ra'ayat negeri ini, mithal-nya beg tangan, bakul² dan lain²-nya yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat dari Kulim Utara itu, saya merasa adal-ah satu chabaran kapada badan² Kebudayaan negeri ini berusaha untuk memperbanyakkan, orang² di-tanah ayer kita ini yang ada bakat seni yang berbagai² rupa ia-itu yang berupa seni lukis, seni suara, seni anyaman tangan dan sa-bagai-nya daripada pehak wa-nita² kita. Kalau-lah beliau itu meren-dah²kan anyaman daripada wanita² kita yang di-gunakan di-dalam Dewan ini beberapa lama yang lalu ini adal-ah satu chabaran tidak dengan kita diam dengan mengkuborkan barang² asli datok nenek kita dahulu. Patut-nya segala perkakas² yang di-buat oleh nenek moyang kita itu kita perlihatkan di-luar negeri kerana ini ada-lah hasil pekerjaan sa-jati orang² kita. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu saya tidak menyangkakan beliau me-leret² sa-hingga membabitkan pakaian saya ia-itu sa-bagai merendah²kan atau menghinakan pakaian bangsa Sabah dalam Dewan ini. Di-nyatakan-nya bahawa

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Minta penjelasan, Tuan Pengerusi, saya minta pakaian meng-kuang dan pandan, pakaian dia ini tidak bersangkut-paut.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak salah telah besar²an di-terangkan di-dalam surat khabar ia-itu dia mengatakan saya memakai kain tudong wanita Sabah, tetapi, Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-orang yang berjiwa Islam sa-orang yang menjunjung Ugama Islam, patut-nya menghargakan, tidak patut me-rendah²kan pakaian sa-orang wanita dan kain tudong kepala sa-orang wanita, rupa-nya dia lebeh mengharga-kan wanita² kita yang berjalan dengan tidak bertudong kepala terdedah sahaja yang tidak di-ingini oleh Ugama Islam kita.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Saya minta penerangan dari Yang Berhormat, bagaimana-kah chara . . .

Mr Chairman: Nanti! (*Kapada Che' Khadijah*) Saya hendak tanya beri jalan atau tidak?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tidak.

Mr Chairman: (*Kapada Enche' Hanafi*) Dia tidak benarkan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, kerana sa-tahu saya, saudara² kita wanita Sabah yang ada melawat negeri ini tidak ada pakai yang sa-rupa saya pakai ini. Jadi saya rasa kalau hendak mengeji sa-saorang itu, jangan-lah membangkitkan wanita Sabah, kerana kita hendak menarek mereka supaya dapat kita mengerti dan saling-mengerti antara satu sama lain supaya dapat kita membimbing tangan dengan mereka.

Enche' Mohd. Yusof bin Mahmud: On a point of order, 36 (1). Tidak ada kena-mengena!

Mr Chairman: Dia ada kait-mengait apa yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap, kerana perbahathan Dewan ini antara sa-orang Ahli dengan sa-orang Ahli, jangan-lah hendak-nya membabitkan kapada bangsa, sebab ini saya menerangkan betul bahawa Yang Berhormat itu menghina pakaian wanita, Tuan Pengerusi. Saya merasa dukachita, kerana beliau itu hendak merendahkan saya, tetapi terpaksa menghina wanita Sabah. Saya berharap, Tuan Pengerusi, dalam Dewan ini, memang saya pun merasa bertimbang rasa kalau Tuan Pengerusi sendiri selalu menegor, saya tidak ada berniat untuk hendak berhentam dalam Dewan ini kalau sa-saorang itu menghadap-kan perbahathan-nya kapada diri sa-saorang, chukup-lah orang yang kena itu sahaja memberi jawapan atau bida-san kapada orang yang berkenaan, tetapi jangan-lah hendak-nya di-guna-kan tempat dia menghentam, bukan kerana tidak tahan di-hentam tetapi menyebabkan Dewan kita ini tidak berjalan dengan betul perjalanan-nya.

Saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya menimbangkan soal yang saya ucapkan tentang hal *plastic*, dan hendak-lah kalau dapat dalam

negara kita ini mengutamakan kerja² tangan atau hasil² dari dalam negeri kita sendiri, seperti di-India atau Indonesia di-jalankan oleh mereka yang di-namakan Swadisi ia-itu mengutamakan hasil anak negeri dan kerajinan tangan anak negeri sendiri.

Sa-lain daripada memasukkan modal asing ka-dalam negeri kita, jangan-lah hendak-nya modal asing itu dapat menghempapkan tenaga ra'ayat dalam negeri kita ini. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri kita supaya mengambil perhatian dalam soal ini.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, speaking on item (1), page 69, I would like to compliment the Ministry on its wonderful achievements during the very short space of a few years. One has only to look at the industries at Petaling Jaya to know how very difficult it is to realise that hardly seven or eight years ago one part of it was a rubber estate and the other part was waste mining land. The various industries that have cropped up there speak of the confidence that the people of this country have in the Ministry and the Government that is in power. It is very gratifying to note that the Government of this country enjoys the confidence of foreign financiers, who have thought fit to come to this country and invest millions of dollars here. When these foreign international investors invest their money in a country, they usually make a proper study of the system of government and the stability of its finance. No foreign investors are going to pour millions of dollars into a country if they find that the government or its currency is unsafe. Therefore, this is an outstanding fact which the country as a whole should be proud of. We should try to give legitimate encouragement to these investors—not to frighten them away. Every country, particularly every new country, is hungry for foreign capital. It was mentioned in the newspapers the other day that in Japan, which is the most industrialised country in Asia and one of the most industrialised countries in the world, the foreign investment in a year came to roughly \$100 million. If a well-advanced country like Japan invites

and encourages foreign capital, then it cannot be wrong. Therefore, Sir, I would say that the Government should be complimented for having received investments from various financiers from England, America and Japan.

The other point I would like to touch on is that some time ago there was criticism from the Opposition that the factories in Petaling Jaya were not manufacturing goods—that is from the raw materials to the finished products. Well, I would like to quote the old saying, "Rome was not built in a day". You cannot have factories that can produce everything—from the raw materials to the finished product. It will take some time. Targets will have to be set. I am sure that with the passing of time these manufacturing firms will, for their own benefit, want to make use of the raw materials that are available nearest to their factories. This country of ours is starting from scratch: we did not have industries before and there will be a lot of waste in trial and error to start industries—and errors are often costly. These foreign firms who have come here to open factories have had vast experience; they have years of experience behind them—experience gained in carrying out research. After spending millions of dollars and with the best brains available in doing research, they are trying to manufacture articles in the shortest and cheapest possible way. Therefore, Sir, I would say that these industries should be given every fair encouragement.

Speaking next on the Tourist Promotion Section, Sir, I would say that I would like to see the Government giving a bigger allocation to this section. It was announced the other day that last year \$10 million approximately were spent by tourists. It is difficult to reckon how much was spent, but I am inclined to believe that the total could have been more. I am sure that if this section is well organised—we have a lot of things that people from Europe and America would like to see—and if we sell Malaya to them in a proper way, we shall be able to increase the tourist traffic many times over, and for this purpose we have to acquaint those

people with the charms and beauty of Malaya. In this connection, I would like to mention here that it should be the duty of this Ministry, or any other Ministry, to see to it that places of scenic beauty and places of historical interest and importance should be preserved and kept as much as possible in their natural state, so that people can look back and see what the country was in days before. The tourists would be interested to see Malaya as it was. They would not be interested to see principal towns, or the main streets of principal towns, because these are always nearly the same. I would appeal to the Ministry to see that steps are taken to preserve places of scenic beauty and of historic importance. I would also like the Ministry, as often as possible, to bring in experts from other countries, who have had more experience, to advise us how the tourists could be attracted in large numbers. Sir, the tourists coming to this country not only enjoy themselves, they not only leave behind their hard-earned dollars, but they also carry home the good or bad impressions, and we would like these tourists to carry home the best impressions.

Mr Chairman, Sir, I would like to touch on one more point which I left out. I would like to mention about the foreign pioneering firms. They should be encouraged, but I would like to mention here one more thing which the Ministry has hardly mentioned, and that is about controlling shares. I do hope that when new legislation is brought in there should be some mention of controlling shares, so that the people of this country would be able to learn more of the inside working of these firms. I for one coming from Port Dickson find that no harm has been done to Port Dickson by the two refineries that are built at Port Dickson. By their coming, they have given employment to people, they have put up a large number of buildings and land values have gone up, and we would like to have more factories in Port Dickson in due course. Take the example of Petaling Jaya: it is being watched keenly by other parts of the country and already many persons who

criticised the idea formerly are now willing to copy it. Sir, if the refineries are able to refine oil in the country, that should please the opposition and I do not see how the oil brought from the Middle East could be nearer to our hearts than oil refined in Port Dickson; at least, oil refined in Port Dickson is half local industry if not entirely local industry. Thank you.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil peluang berchakap berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini. Sebagaimana yang kita telah sama² dengar banyak perkara² yang telah timbul dalam masa membahathkan Kementerian ini, jadi saya tidak sedap hati sa-kira-nya saya tidak berchakap. Yang pertama, saya hendak berchakap berkenaan dengan ranchangan menanam getah sa-mula. Pandangan saya berbeza dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu, sebab kalau Yang Berhormat itu melawat, mital-nya, di-tempat saya di-Melaka, beliau tidak akan dapat menengok pokok² yang belum di-tanam. Ini ada-lah kenyataan . . .

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan kalau saya di-beri jalan.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Saya beri jalan.

Dato' Mohamed Hanifah: Boleh-kah Yang Berhormat dari Melaka Utara itu menyatakan berapa banyak kebun kecil di-Melaka yang telah dapat faedah daripada menanam sa-mula ini?

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu itu menghantar surat kepada saya dua tiga hari dahulu, saya boleh beritahu jumlahnya. Saya tidak mempunyai pejabat, saya terpaksa bertanya kepada pejabat yang berkenaan. Tetapi dengan . . .

Dato' Mohamed Hanifah: Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan . . .

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Kalau sa-lain daripada perkara itu boleh.

Dato' Mohamed Hanifah: Tuan Pengerusi, saya faham statistics menanam sa-mula kebun kechil yang rendah sa-kali dalam Persekutuan Tanah Melayu ia-lah negeri Melaka.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya berchakap ini mengikut kenyataan. Kita tidak-lah boleh membandingkan di-antara sa-ekor nyamok dengan sa-ekor gajah. Luas negeri Melaka ia-lah 720 batu persegi. Perkara yang saya katakan ini Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu hendak-lah berfikir lagi sa-kali, ia-itu ranchangan menanam sa-mula ini kalau kita tidak menggalakkan ra'ayat berbuat demikian, saya rasa mereka itu tidak akan menerima perubahan. Jadi kalau itu-lah ideology Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu, ra'ayat rugi. Dalam negeri Melaka pada masa ini tanah tidak ada lagi untuk menanam sa-mula ini.

Tuan Pengerusi, dasar Kerajaan berkenaan dengan ranchangan menanam sa-mula ini, saya rasa belum lagi perlu di-ubah, sebab baharu² ini wang bantuan itu telah di-naikkan daripada \$600 menjadi \$750. Saya fikir kalau ada pekebun kechil yang ketinggalan yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu hendak-lah kita baiki sa-masa kita menjadi Wakil Ra'ayat. Kalau kita tidak menjadi Wakil Ra'ayat tidak ada peluang (chance) untuk berbakti. Orang menanam sa-mula di-Melaka sekarang sudah menoreh getah-nya.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Malay Secretariat. Saya hendak berchakap tentang hujah Yang Berhormat dari Dungun, tetapi sa-belum saya berchakap tentang perkara itu, saya minta Yang Berhormat itu memahamkan bahawa saya berchakap ini terhadap wakil dari Dungun, bukan terhadap kewanitaan-nya atau kaum ibu, sebab saya berpendapat dari dahulu lagi ia-itu Dewan ini kita tidak boleh mewakili jenis laki² atau wanita. Jadi kalau saya berchakap berkenaan dengan hujah Yang Berhormat dari Dungun, maka tidak-lah berma'ana saya merendahkan fikiran wanita kita pada keseluruhan-nya. Saya dapati ucapan Yang Berhormat dari Dungun itu sa-

masa membahathkan Kementerian ini tadi ada-lah berchakap dengan sa-kehendak hati-nya, dia tidak sedar orang lain bekerja dan pehak UMNO dari dahulu lagi mempunyai kesedaran dalam hal kepinchangan perekonomian orang Melayu. Kita memang sedar perkara itu. Tetapi berchakap dalam Dewan ini memang senang daripada kita hendak membena keadaan ekonomi orang Melayu.

Saya terperanjat mendengar ucapan Yang Berhormat dari Dungun apabila dia mengatakan bangsa lain tidak mahu bekerjasama dengan bangsa Melayu dan merayu kapada rakan saya ia-itu MCA supaya menolong orang Melayu kalau betul² jujur. Kita lebeh dahulu tahu perkara ini, itu sebab-nya dalam hal negara kita tidak mahu berfikiran sempit. Berkenaan dengan perniagaan yang di-sebutkan yang hampir² hendak menangis oleh Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan bandar Kuala Lumpur tetapi tidak mahu menyebutkan bandar Kota Bharu atau bandar² dalam negeri ini. Saya selalu ka-bandar Kota Bharu, yang pertama-nya adek saya ada bekerja di-sana, saya menengok keadaan-nya. Jadi Yang Berhormat itu bersemangat yang berkubar² hanya dalam Dewan ini, pada hal dia ada tenaga . . .

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan kalau saya di-beri jalan.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Saya beri jalan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, kalau di-bandingkan bandar Kuala Lumpur dengan bandar Kota Bharu, kita akan dapati kedai² dalam bandar Kota Bharu itu kebanyakan-nya di-punya'i oleh orang Melayu.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya berchakap tadi atas masalah ekonomi orang² Melayu kita dalam lapangan perniagaan. Adakah sekarang kalau begitu-lah keadaan-nya saperti di-Kota Bharu hari ini orang² itu sendiri agak bersetuju dengan chakap² wakil Dungun ini? Saya rasa tidak bersetuju dengan dia kerana mereka faham keadaan ekonomi orang²

di-Kota Bharu itu—orang Melayu di-Kota Bharu itu belum lagi memuaskannya lagi. Kalau itu-lah perchakapan yang di-keluarkan-nya saya pun tidak tahu, kalau kita menyokong PAS harus rugi juga kalau keadaan begitu dia sudah bersetuju. Jadi Yang Berhormat dari Dungun ini sa-bagai orang yang berpengalaman; saya sendiri tidak ada pengalaman berniaga, tidak ada pengalaman untuk membuka kedai, membuka lombong tetapi sa-bagai guru sekolah atap ini, saya nampak Yang Berhormat itu ada-lah sa-orang ahli perniagaan dan patut fikiran-nya yang baik² itu—atau pun pengalaman dia dalam perniagaan yang sudah lama itu berpindah daripada satu kedai ka-satu kedai, pindah ka-sana ka-sini terangkan macam mana hendak memajukan perniagaan ini dalam Dewan ini juga, jadi dapat-lah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini memandukannya, baharu-lah itu dapat di-majukan. Tetapi kalau mithal-nya kita buntu itu buntu ini tetapi tidak di-sini di-nyatakan, jadi macam mana? Tuan Pengerusi, saya rasa kalau saya hendak mengikuti atau saya hendak menarek pandangan-nya sendiri dan chakap² wanita saya segan hendak berchakap dalam Majlis ini kerana saya sangat berkehendakkan bantuan itu sungoh daripada kaum ibu. Kerana dalam pengalaman kalau lelaki sahaja maju jadi tidak ada guna-nya orang perempuan. Itu-lah sebab-nya kami dari pihak Perikatan mengembar gemborkan supaya kaum ibu setanding, jangan suro²kan, tetapi kita mesti memikirkan keadaan yang timbul sekarang ini. Saya rasa daripada keseluruhan ucapan Yang Berhormat dari Dungun tadi kerana membangkitkan hal yang kecil ya'ani lesen itu saya rasa tentulah dia mengeluarkan sentiment sahaja. Kerana saya dapat tahu sa-buah negeri kalau tidak ada Undang² hanchor-lebor-lah, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, Standing Order 36 (1). A member shall confine his observations to the subject under discussion and may not introduce matter irrelevant thereto. He is irrelevant and wasting the time of this House.

Mr Chairman: Dia bangkitkan dengan keterangan Ahli Yang Berhormat tadi.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Saya dukachita bila saya di-larang berchakap itu menyebabkan saya ambil masa yang panjang lagi berchakap. Saya mengatakan tadi hujah daripada Ahli Yang Berhormat dari Dungun mencheritakan satu tempat yang hendak memajukan perniagaan Melayu; kita ambil dia punya kepala—di-atas polisi dia kata apa-lah menjadi masalah kepada lesen itu, jadi maksud-nya negeri kita ini jangan-lah buat Undang², siapa sahaja boleh, siapa yang mahu dia boleh buat. Saya rasa tentu-lah Menteri Yang Berhormat lebeh tahu lagi. Terlampau banyak perkara jual sama jual—tukar² sahaja dia tukar dia dan dia tukar dia. Jadi . . .

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, Standing Order 36 (1). Ahli Yang Berhormat itu hanya sentiasa membahathkan ucapan orang tetapi tidak ada langsung mengambil bahan² daripada perbelanjaan ini.

Mr Chairman: Saya suka menerangkan ia-itu apa yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat dari Dungun itu maka sa-olah² Yang Berhormat ini menjawab hujah² yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi. Jadi ada sedikit kaitan-nya dengan perkara ini tetapi jangan-lah di-panjangkan.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Pada permulaan-nya saya hendak berchakap pendek sahaja tetapi terpaksa-lah saya panjangkan juga. Saya mengikuti dan memahami tadi atas perbelanjaan yang di-datangkan oleh Menteri yang berkenaan ini, saya bersetuju. Perkara yang kita hendak majukan ia-lah ekonomi negeri ini dan ada jalan-nya hendak memajukan orang Melayu, hendak majukan taraf hidup ada jalan-nya, tinggal lagi chara hendak bergerak itu terpaksa-lah dengan chara perlahan². Saya rasa dalam ranchangan apa pun bagi kemajuan negara tidak boleh siapa dalam dunia ini membuat-nya sa-hari atau pun sa-hingga 5 tahun pun saya rasa tentulah tidak boleh siap dan tidak boleh

lengkap. Sa-kali lagi saya hendak menerangkan untok pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu supaya saya duduk tadi, kami dari pehak Perikatan di-sini ada mempunyai tanggung-jawab seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu. Kami boleh berchakap dengan mengeluarkan fikiran di-atas perjalanan Kerajaan masa yang akan datang kami yang menyokong-nya (*Tepok*).

Tuan Pengerusi, mari kita sekarang berbalak kepada pengelihatan kita di-kampong²—di-luar bandar dalam gerak langkah dalam hal memajukan ekonomi. Ini hendak-lah kita tinjau kepada Kementerian ini kerana Kementerian Perdagangan dan Perusahaan atau pun yang lain² Kementerian dalam Perikatan ini dia sentiasa kait-mengait, sa-patut-nya mesti ada dalam pertimbangan dari wakil² puak Pembangkang itu. Ada kait-mengait dalam Kementerian Shariat Kerjasama ada kait-mengait-nya dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi kalau-lah hendak berchakap di-atas satu² benda yang kecil saya boleh berchakap dengan orang kampong atau di-tempat saya mewakili mereka itu seperti saya hendak mengadakan modal bas yang di-tinggalkan oleh RIDA berkenaan dengan itu dan ini ada tempat-nya. Saya rasa itu-lah sahaja untok saya menolak hujah² atau pun perkara² yang di-datangkan itu kerana tidak ada ma'ana-nya langsung pada pendapat saya dan wakil² Perikatan. Terima kaseh.

Enche' Tan Tye Chek (Kulim-Bandar Bahru): Mr Chairman, Sir, I wish to refer to page 70 of the Estimates, in regard to the Government Rubber Replanting Schemes. I should like to compliment the Ministry on the way this Scheme has been carried out so successfully in our country, and also for increasing the Replanting grants to Fund "B" participants.

On the other hand, Sir, I would draw the attention of our Minister in regard to the problem of participants under Fund "A". It has been known that in 1955 when the seven-year old Replanting Scheme came into being, the basis of eligibility was set at 21 per cent, i.e., 3 per cent per year. It was generally

known that in the cases of lands which carried a reasonable stand of live rubber on 31st December, 1954, all these acreages would be continuously replanted up in the course of the years. Now, the first Replanting Scheme is coming to an end at the end of this year and although our Minister has, in the course of his speech the other day, said that the Scheme will be continued, he has not announced at what percentage the continuation Scheme is going to be and when it is going to commence. As we all know, the rubber replanting requires planning and fixing a planting programme. So the sooner this announcement is made the better it would be for everybody concerned, because for the time being all the estate owners, especially Asian estate owners participating under Fund "A", are at a loss to know and incidentally these are the very people who very badly need the help from the Government grants to assist them in their replanting work. So I hope the Minister will make an announcement soon so that Asian estate owners will be in a position to plan out a replanting programme for next year and also for the years to come.

I should like also to bring the attention of the Minister to page 74, sub-head 18. I went to the Gua Napai and Sungai Tiang Replanting Schemes and saw for myself that many of the settlers there are in very poor straits because where previously each family was given a grant of \$75 a month, all of a sudden some time in May this year they were told that with effect from February their grants would be cut to \$55—with \$5 extra for each child—to a maximum of \$55. So the poor settlers found that they could not cope to make family expenses meet with the money that was given to them, and to top it all the cut was for the period from February to May. So faced with this big deficit the poor settlers could not make both ends meet and they were so short of cash that they had to go outside the settlements to earn some extra money to support their families. When I asked the settlers they said that in the estimation of the Government they

were expected to be producing some cash crops and getting some money from what they have produced. According to the programme they were expected to plant other crops also, apart from rubber—food crops and fruits—but which they had not done. Therefore, they have very little money other than the subsistence allowances given to them. I hope in this matter the Government will consider extending the grant to these people so that their present plight will be alleviated a little.

There is also another matter in connection with this and that is sodium arsenite spraying. In estates normally expert labourers with a better pay than ordinary weeding labour are engaged for this type of work. But it would appear in these Land Development Schemes there is no pick and choose as to who are the labourers to do this kind of work. As a result many of these labourers complained they were suffering from skin rashes because many of them were allergic to sodium arsenite. So I hope the matter will be looked into and proper medical facilities provided for the settlers who are spraying sodium arsenite in these areas.

There is another small matter which I should like to bring up under this Ministry and that is in the matter of Government granting licences in the supply of electricity to small towns and villages. I refer to the matter of the Serdang Local Council Area. The supply of electricity for the whole of the Serdang Local Council Area was granted to one private individual. When the town people applied for an extension of the 12-hour supply to a 24-hour supply the individual who possesses the public supply licence from the Central Electricity Board refused to extend the hours of supply, and the Local Council has written several letters to the Chief Electrical Inspector requesting his kind intervention in the matter. But no consideration was given to extend either for a 24-hour supply or even for an 18-hour supply. Now the situation briefly is this: the Government has given a monopolistic licence to an individual

firm and intends to uphold its rights. The general idea rightly or wrongly is that if this individual firm can make money then surely it will extend its supply to 24 hours a day; but would not it be fairer that consideration should also be given to the possibility that this firm is quite happy with the profit it makes on the present 12-hour supply and arbitrarily refuses to extend the hours of supply since it is already quite happy with present profits. So we are putting the town people under the circumstances in a very embarrassing position. The Government in its Rural Development programme is encouraging people in the villages and small towns to take up small cottage industries and other things and also providing other necessary modern amenities. And thereby comes about a strange situation in the case of this town, which is being supplied with electricity by a private company, having only 12 hours supply whereas in the surrounding less populated and prosperous kampongs, where electricity is supplied by the C.E.B., the people will be receiving a 24-hour electricity supply. The people in Serdang as it is will have no chance to improve their lot or do anything else when electricity is an essential factor during the day time. There is no use turning round and saying that this is a matter for the State since the State was the authority originally agreeing to the licence being given to a private individual as here in this case the licence was given by the C.E.B. and therefore the question as to whether or not to extend the period of supply is I believe, a matter between the C.E.B. and the licensee. So I hope in this matter our Minister will look into it so that a fair deal will be given to the people in Serdang who for no fault of their own are forced to suffer the whims and fancies of a licensee licensed by the C.E.B. I have got a copy of the letter of the licensee and according to his letter the licensee wanted the Local Council to sign a contract to confirm that the Local Council is prepared to guarantee a minimum sum of \$600 every month so that 24-hour supply can be established in Serdang. I believe, Sir, the collection for every

month must far exceed this \$600 and paradoxically enough here, in this letter he asks that he wants only a guarantee of \$600. I think by this the writer of the letter must have meant that he expects to receive that much above what he has been receiving, or in other words he wants an amount of \$600 more if the period is to be extended. I suppose it was meant that way. But, however, I must point out that before he took up the position of supplying electricity to Serdang he said that the 12-hour supply was a temporary measure and promised that he was prepared to increase the hours of supply as soon as feasible. It would be a good thing if he could be made to agree to extend the hours of supply from 12 hours to 18 hours—it would be sufficient for the time being at least.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas item pertama, saya berasa besar hati dan berbangga kerana penubuhan satu pejabat Malay Secretariate untuk memuaskan dan mengusahakan supaya orang² Melayu dapat mengambil bahagian yang chergas dalam segala lapangan perniagaan. Bagi usaha Kerajaan ini, saya puji-lah dan saya perchaya orang² Melayu yang suka mengambil bahagian akan menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Menteri kita yang baharu ini kerana mengambil berat dan menjalankan kerja² yang mengarah dan memandu orang² Melayu mengambil bahagian di-dalam perniagaan itu. Saya ia-lah salah sa-orang yang rapat dalam perniagaan dan, sedikit sebanyak ada pengalaman untuk memberi panduan kepada Menteri yang bertanggong-jawab.

Sungguh pun tertuboh-nya satu jabatan kerana hendak memajukan perniagaan orang² Melayu, rasa saya tentu-lah pejabat ini akan menempoh beberapa² halangan, beberapa² kesulitan² yang ta' lain dan ta' bukan ia-lah di-adakan oleh mereka² yang telah maju dalam segala segi perniagaan. Bagi orang² Melayu yang sedang dan akan masuk dalam lapangan perniagaan ini tentu-lah akan mendapat tentangan hebat daripada orang² yang telah maju. Dalam segi perniagaan,

saya fikir ta' dapat di-tanggong oleh pejabat ini. Pertama-nya, Tuan Pengerusi, peluang baik bagi orang² Melayu hendak mendapat perniagaan² sangat tipis, jadi dengan ada pejabat ini satu peluang yang baik, peluang yang boleh bagi orang² Melayu mengambil bahagian dan maju dalam perkara ini. Peluang² ini sangat sukar bagi orang² Melayu akan mendapat-nya, oleh sebab peluang² yang baik tentu-lah kita mendapat persaingan daripada orang² lain dalam ahli perniagaan. Jadi hendak mendapat peluang yang baik ini ia-lah satu perkara yang sulit yang akan mengakibatkan ia-itu mereka² yang lebeh maju dalam perniagaan boleh berlumba, boleh mengatasi orang² Melayu dalam lapangan perniagaan, sa-umpama-nya mereka boleh melawan orang² Melayu dalam bahagian ini ia-lah dengan chara mengurangkan segala harga barang perniagaan-nya. Ini ia-lah oleh sebab mereka² telah maju dan telah lama berniaga dan juga modal-nya besar. Rasa saya dengan chara peluang ini-lah, maka Menteri yang bertanggong-jawab akan menimbangkan dengan halus-nya, apa-kah chara²-nya hendak memberi kepada orang² Melayu bagi mendapat peluang ini, sungguh pun ada perkara ini terjadi yang di-beri kepada orang² Melayu dalam bahagian kontrekter atau perniagaan, tetapi peluang² itu di-beri kepada tempat² yang ta' akan memberi faedah kepada orang² Melayu, umpama-nya dalam negeri saya—Pahang, peluang di-beri kepada kontrekter² Melayu, di-beri jauh daripada bandar² saperti ulu² sungei yang mana dengan chara itu, saya fikir tidak akan memberi faedah kepada orang² Melayu. Ini rasa saya satu kesulitan yang akan di-hadapi oleh Yang Berhormat Menteri kita dalam menjalankan pejabat ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan modal. Ini ada-lah satu jurusan yang besar kepada orang² Melayu, sebab orang² Melayu sa-bagaimana yang terma'alum ekonomi-nya sangat rendah dan mustahillah mereka² itu boleh masuk bertanding dengan peniaga² yang besar² jika di-bandingkan dengan modal² yang kecil. Maka di-sini-lah

bagi Kerajaan yang mesti memandang penting untuk menolong mereka² dalam segala lapangan dengan memberi segala kemudahan² kepada mereka².

Pada masa ini kita tahu Pejabat RIDA ada menolong, tetapi peratoran pertolongan itu chuma sa-paroh yang dapat di-terima atau pun di-bolehkan orang² Melayu mengambil bahagian, tetapi sa-paroh-nya peratoran itu sangat-lah sukar. Satu peratoran yang selalu dapat di-terima oleh orang² Melayu ia-lah mengambil konterek Kerajaan di-mana konterek² itu di-sanggopi oleh RIDA bagi memberi bantuan dengan tidak ada apa² jaminan, tetapi jikalau perniagaan itu berkenaan dengan perniagaan yang tidak ada konterek dengan Kerajaan, sukar-lah sedikit bagi mereka itu mendapat bantuan daripada RIDA, sebab RIDA berkehendakkan satu jaminan supaya wang² mereka itu terjamin, atau tidak hilang dan sa-bagai-nya. Maka ini-lah satu kesulitan yang besar di-hadapi oleh peniaga² Melayu. Saya tahu peniaga² kita memang suka mengambil bahagian yang besar² seperti jual minyak dan sa-bagai-nya. Mereka kebanyakannya boleh mengadakan modal sa-banyak 25 per sen tetapi yang 75 per sen itu-lah yang sukar bagi mereka² hendak mendapatkan bantuan. Kalau dasar RIDA dapat di-tukar oleh Kerajaan kepada satu dasar baharu yang mana kita boleh menyenangkan lagi bagi orang² Melayu yang mengambil bahagian dalam perniagaan, dapat pinjaman daripada RIDA ini. Kesulitan²-nya—ta' payah saya chakapkan—kesulitan ini umum, kerana kebanyakannya ada terjadi bagi orang² Melayu yang mengambil bahagian dalam perkara² ini.

Yang ketiga, kesulitan yang akan di-terima oleh orang² Melayu ia-lah mereka sangat jahil, dalam perniagaan, maka hendak-lah mereka ini mendapat arahan daripada Kerajaan, bagaimanakah mereka boleh menjalankan perniagaan supaya mereka itu tidak terchebor ka-dalam kerugian. Ini-lah satu perkara yang rumit yang saya perchaya pejabat ini akan menghadapi-nya, bagaimana hendak mengarah dan

mengajar orang² Melayu bagi mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan supaya mereka mendapat pengajaran terjamin perniagaan mereka supaya perniagaan mereka tidak akan jatuh dan rugi.

Penyudah-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kerjasama daripada peniaga² yang bukan orang² Melayu ia-itu kita berharap dengan pengalaman mereka yang sudah lama akan dapat mengajar orang² Melayu mengambil bahagian bersama dengan mereka. Maka ini-lah satu perkara lagi yang saya perchaya bahagian pejabat ini akan menerima satu perkara yang harus rasa saya sangat sukar hendak di-pechahkan oleh pejabat ini.

Jadi, ka-empat² dasar ini, kalau sa-kira-nya dapat pejabat ini memecahkan, saya perchaya orang² Melayu akan dapat bertanding sama dengan orang² lain dalam lapangan perniagaan di-dalam negeri-nya sendiri.

Sa-lain daripada itu, saya hendak berchakap berkenaan dengan bertanam sa-mula getah. Banyak kesulitan² di-daerah² saya yang ta' dapat di-terima oleh pekebun kechil dari bangsa Melayu hendak menjalankan bertanam sa-mula getah ini. Pertama ia-lah oleh kerana orang² kampung ta' ada upaya hendak bertanam sa-mula getah, oleh sebab tanah² yang mereka ada itu ia-lah tanah² yang hanya untuk mendapatkan pencharian hidup-nya dan sa-paroh-nya pula ia-lah oleh kerana jauh-nya tanah² itu untuk hendak di-tanam sa-mula yang mana terpaksa di-tebas, di-tebang semua sa-kali dan oleh sebab kedudukan kewangan mereka kurang maka ta' mendapat kejayaan di-atas tanah² itu. Undang² yang di-adakan oleh Government Rubber Replanting Scheme ini sangat-lah ketat, bahkan rasa saya kebanyakan pekebun² kechil ini chuma mendapat bantuan yang pertama sahaja, bantuan yang kedua, rasa saya ta' dapat, kerana kalau ada tiga inchi lalang sahaja, maka bantuan itu akan di-tolak. Bagitu-lah kesulitan² yang di-terima oleh pekebun² kechil di-daerah saya, dengan sebab itu banyak mereka² tidak mahu mengambil bahagian dan menerima Ranchangan Menanam

Getah Sa-mula. Oleh sebab memandangkan kedudukan pekebun² kechil Melayu yang kedudukan kewangannya sangat kurang, maka saya berharap perkara ini akan di-timbangkan dengan halus-nya supaya sharat² yang ketat itu di-longgarkan.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan hal Tourist Promotion Section. Ini rasa saya satu peruntukan wang yang akan memajukan pelanchong dalam negeri kita ini. Rasa saya negeri Pahang satu negeri yang istimewa yang patut di-beri lebeh banyak bantuan di-sana, sebab negeri Pahang banyak tempat² yang istimewa yang boleh kita tunjukkan kapada pelanchong² yang datang dari luar negeri, kerana negeri Pahang ada banyak tasek yang besar² saperti Tasek Bera, pemandangan yang asli dan juga pemandangan² yang endah, pantai²-nya chantek, rasa saya ini-lah satu pejabat yang akan mendapatkan wang yang banyak daripada luar negeri kapada negeri kita. Dalam hal ini, satu kesulitan yang akan di-hadapi oleh pejabat ini ia-lah hendak menarek pelanchong², bukan sahaja hendak mendapatkan pemandangan yang chantek bahkan juga daripada layanan² anak negeri ini terhadap pelanchong² itu. Perkara ini sangat sulit, oleh sebab baharu² ini saya ada menerima dua tiga pelanchong yang mana mereka mehgatakan ta' dapat berjumpa atau ta' dapat menemui orang² Melayu di-kampung, kerana kata-nya orang² Melayu itu shy—pemalu sangat hendak berjumpa dengan mereka. Jadi kalau dapat supaya pejabat ini menerangkan kapada orang² kampung itu tentang layanan mereka terhadap pelanchong² supaya menarek hati pelanchong² itu datang ka-negeri kita ini.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, 1963 yang berjumlah \$2,568,232. Saya harap Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang baharu ini menjalankan tugas²-nya sabagaimana yang di-uchapkan-nya samasa membentangkan perbelanjaan ini tadi, dan juga saya berharap segala ranchangan yang di-buat bagi tahun

1963 hendak-lah di-jalankan dalam tahun 1963 dan jangan ranchangan itu di-bawa pada tahun 1964-65.

Saya hendak berchakap berkenaan dengan Tourist Promotion Section. Sabagaimana yang kita tahu, Tuan Pengerusi, bukan sahaja Persekutuan Tanah Melayu tetapi juga di-mana² negeri dalam dunia ini ada-lah menggalakkan orang luar negeri supaya datang ka-negeri masing². Tujuan-nya ta' lain dan tidak bukan ia-lah hendak menunjukkan keadaan negeri-nya dan yang kedua-nya menambahkan pendapatan negeri-nya. Berkenaan dengan pelanchongan ini, saya dapati pelanchong itu di-bawa melihat tempat² saperti Petaling Jaya, tetapi jarang mereka itu di-bawa atau di-tunjukkan ka-kampung² yang di-fikirkan boleh menarek hati. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, di-Krian ada satu kolam ia-itu kolam Bukit Merah dan kolam ini boleh di-katakan kolam yang terbesar sa-kali dalam Tanah Melayu ini. Jika sa-kira-nya kita naiki keretapi daripada utara ka-selatan kita akan menempoh satu jalan keretapi di-tengah² kolam Bukit Merah ini sa-juah lebeh kurang 2 batu. Luas-nya kolam ini lebeh kurang 40 batu (keliling). Saya agak pelanchong² jarang di-bawa ka-tempat itu. Pada pendapat saya jika ada pelanchong yang datang ka-negeri ini patut di-bawa ka-tempat itu, dan kolam ini ia-lah memberi ayer kapada 60,000 ekar tanah sawah di-Krian. Saya fikir kalau pelanchong di-bawa ka-situ mereka harus tertarek hati melihat kolam itu. Untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini saya suka menerangkan ia-itu kolam itu ada 46 pintu ayer untuk mengeluarkan ayer ka-sawah². Baharu² ini saya mendengar ura² hendak mendirikan Rest House di-situ. Saya harap kalau Kementerian ini bersetuju dengan pendapat saya ini, kolam Bukit Merah itu hendak-lah di-baiki dan pelanchong hendak-lah di-bawa melawat ka-situ. Kolam Bukit Merah itu tidak jauh daripada jalan raya.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Malay Secretariat. Waktu orang Puteh memerintah negeri ini dahulu

boleh di-katakan ekonomi atau iktisad negeri ini lebih daripada 80 peratus di-pegang oleh orang bukan Melayu, tetapi sa-telah negeri ini merdeka, Kerajaan yang memerintah sekarang ini berpendapat ia-itu kalau iktisad orang Melayu tidak di-bela atau di-jaga harus iktisad negeri ini di-pegang oleh orang bukan Melayu, dan dengan kebijaksanaan Kerajaan sekarang ini Kerajaan telah mengadakan Malay Secretariat guna menyiasat, menyelidek atau mengambil tahu berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan dalam negeri ini. Kerajaan memberi keistimewaan kepada orang Melayu sa-lama 15 tahun untuk mengambil bahagian berkenaan dengan ekonomi, dan kita sudah berjalan dua tahun, jadi ada-kah pehak orang Melayu berpuas hati tentang ekonomi dalam negeri ini? Oleh itu, saya harap kepada Kementerian ini mengambil perhatian yang berat dalam hal ini, dan memberi peluang kepada orang² Melayu untuk berniaga, sama ada dalam atau luar negeri.

Sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian Dewan ini berkenaan dengan 10 kilang padi di-dalam kawasan saya. Dua daripada kilang padi ini di-punyai oleh orang Melayu dan 8 di-punyai oleh orang bukan Melayu ia-itu orang China. Kilang² China itu mendapat lesen membeli padi dan menjual beras kepada Kerajaan. Malang-nya, Tuan Pengerusi, 2 kilang yang di-punyai oleh orang Melayu itu satu daripada-nya berjalan sebab berkongsi dengan bangsa lain, dan yang lagi satu itu tidak berjalan sa-hingga hari ini sebab tidak suka berkongsi dengan bangsa lain. Oleh sebab mereka tidak ada modal, mereka tidak berjalan sa-hingga hari ini. Mereka ini telah meminta bantuan daripada RIDA kerana hendak menjalankan kilang-nya, tetapi malang-nya bantuan yang di-minta itu tidak dapat.

Oleh itu saya berharap kepada Jabatan Secretariate berkenaan dengan perniagaan dan perdagangan ini mengambil berat di-atas perkara ini dan menyiasat sebab² dan mengapa kilang itu tidak berjalan. Tetapi pada pendapat saya satu daripada sebab tidak dapat di-jalankan kilang ini ia-

lah dengan kekurangan wang dan saya berharap dengan penyiasatan ini sa-kira-nya dapat di-berikan bantuan beri-lah bantuan supaya membolehkan kilang ini berjalan sa-bagaimana kilang² yang ada dalam Krian ia-itu yang di-punyai oleh orang² China.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, di-dalam Krian ini juga ada banyak kilang² kechil, kilang² kechil ini ada di-tepi² jalan dan ada sampai sa-batu atau dua batu jauh-nya daripada jalan. Sa-buah kilang; kata orang di-sana *tempoh*, kilang ini bukan hendak berniaga, kalau di-fikirkan hanya lesen di-berikan untuk mengisar padi sahaja—mengilang padi makan. Sapikul upah-nya ia-lah 50 sen. Kilang² ini tidak boleh membeli padi dan menjual beras dengan tidak ada lesen. Jadi kilang ini hanya mengambil upah semata². Kalau di-fikirkan, kilang ini berjalan dalam sa-tahun chuma 6 bulan sahaja tidak saperti kilang² yang besar berjalan 12 bulan dalam sa-tahun. Dengan ini saya harap kalau boleh kilang² kechil yang di-punyai oleh orang Melayu dengan bersharikat di-berikan lesen membeli padi dan menjual beras. Dan perniagaan untuk membeli padi ini boleh-lah hadkan jangan-lah macham kilang² yang besar yang boleh membeli padi sampai dua tiga ribu pikul. Kita bagikan sa-takat sa-berapa yang chukup supaya kilang² ini berjalan tiap² hari. Ini-lah pandangan yang dapat saya berikan kepada Kementerian ini dan saya berharap Kementerian ini terutama-nya Jabatan Secretariate ini mengambil berat atas perkara ini, mudah²an dapat-lah orang² Melayu merasa sedikit nikmat berkenaan dengan ekonomi negeri ini, sekian.

Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungai Patani): Mr Chairman, I wish to refer to page 69, item (1), Minister of Commerce and Industry. I would like to speak in regard to the diversification of industries. The other day I talked about the diversification of crops, and now I come to my second point, i.e., diversification of industries.

Sir, I am very glad indeed to know that the Government has done something to diversify industries in Malaya.

Formerly we had match factories, now we have factories manufacturing products from tobacco, we have factories making soap and so on and so forth. However, Sir, I think the speed of the diversification is not so fast enough, or rather the tempo is a bit slow. I think the Government should increase this tempo. For example, in music we have the tempo in that we go first from slow foxtrot and then to Samba, Rumba, Rock-n-Roll and Twist; in the same way in industry also we should adopt the same thing. We have to go from one thing to another, for example, to make tyres first, then go to make motor-cars, trucks, locomotives and then aeroplanes and so on. I think the rate of the tempo, as I said just now, is a bit slow; and I would like to make an appeal to our new Minister and hope that he can speed up things a bit.

Mr Chairman, Sir, though in Malaya we have so many industries, we have no heavy industries such as factories making motor-cars, vehicles, locomotives, trains and chemicals and so forth. I do not know the actual reason why we cannot have these heavy industries. If the reason is that we have no raw materials, then I can tell the Minister that there are some countries which have no raw materials at all and yet they can establish heavy industries. Let us take Japan, for example. Japan has no iron ore, but it buys iron ore from Malaya, India or somewhere else and manufactures iron, stainless steel and motor-cars. Japan also builds ships, and I think it is the second biggest ship-building country in the world. Japan has not enough cotton and wool, but it imports cotton from India, from Egypt and from New Zealand and it produces textiles for world markets. Japan has no petroleum and yet it imports it and refines for its own consumption and for export. Although Japan has no chemicals, it imports chemical compounds from South America and then produces fertilisers and sells them outside—we even buy urea from Japan. So, if Japan, which has no raw materials at all, can establish heavy industries, I see no reason why Malaya

cannot do so. Actually, Sir, Malaya is in a better position as far as raw materials are concerned.

In Malaya we have four basic raw materials, namely, tin, rubber, iron ore and coconut oil. With these four basic raw materials, we can produce a lot of things provided we have got the money and the technical "know-how".

Another thing I have learned when I went to Japan on a Study Tour—and I think it is a good thing to go on Study Tours—is that we must not only diversify our industries but also spread them out from place to place. If you go to Japan, you will find industries not only in Tokyo but also in Kobe, Osaka and right down to Nagoya. There you will find factories producing textiles, chemicals, motor-cars and everything. So, if our new Minister is thinking about that matter, I think, it is worthwhile that we have got not only to diversify our heavy industries but also we must spread them out, say, from here right up to the North as far as Kedah and Perlis, and to the East as far as Kelantan and Trengganu. Anyway, I am happy now because industries are established not only in Petaling Jaya but also in Johore Bahru, Tasek in Ipoh, Butterworth and also in Taiping, the birth-place of our new Minister.

Sir, when it comes to spreading out, in Kedah we have nothing yet so far, not even light industry. When our Kedah man was the Minister of Commerce and Industry I thought he would do something. He was thinking of doing something, then suddenly he was transferred somewhere else and someone else took his post. I hope the new Minister will do something. My place at Sungai Patani is only 20 miles away from Penang. It can be reached by road, rail and by river. I am a Councillor of the Alliance-dominated Sungai Patani Town Council and I would like to assure the Minister that we have got plenty of land potentially suitable for industries, though we have not got much State land. But I can assure you that our Town Council can arrange some land at a much cheaper rate than sold here in Kuala Lumpur or even in Taiping. So I can assure him

that our Town Council will give him the fullest co-operation if he ever thinks of bringing some industries there, and I hope he will bring.

Another thing I learned from Japan is this. In Japan—in Tokyo—they have a big show-room where products of all factories are exhibited—e.g. motor cars from the Toyopet Factory, Datsun cars from Nissan Factory, National Radios, and so on. I think it is a good idea and I hope the Minister will consider it thoroughly. For instance, we can find a place somewhere in the heart of Kuala Lumpur and make some sort of showcase where all the products, say, Rothmans cigarettes, Malayan Tobacco cigarettes, Dunlop tyres and so on, can be put, so that when tourists come to the town they can go there and see what are the industries that are established around the area. Not only can they see, but they can also book orders straightaway. That is what they do in Japan. That would be a very good show-piece in our capital.

The next point I want to speak on is tourists.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam bahasa kebangsaan sebab Menteri Muda kita ini pun orang Melayu, jadi dia boleh dapat faham dengan sa-benar-nya. Berkenaan dengan pelanchong saya suka membawa perkara ini ia-itu suatu chontoh di-negeri Jepun pada masa Kerajaan hantar saya tahun sudah ka-negeri Jepun. Bila sampai² sahaja di-Airport waktu malam, kita telah naik bas, dan waktu malam kita nampak semua Neon-Light. Kemudian apabila kita pergi ka-Hotel, dia pilihkan, kata-nya ini ia-lah Hotel specially recommended for Tourist, jadi di-dalam Hotel² itu diberi layanan yang sempurna dan berbagai² kemudahan, kalau kita hendak hantar surat pun boleh, kalau kita hendak hantar Money Order pun boleh, kita tidak chukup duit pun akan di-tolong-nya kita, bagitu juga berkenaan dengan tukar menukar wang dan sa-bagai-nya, dan manakala kita pergi ka-bilek² itu pun kelihatan chukup bagus. Bagi saya berasa di-sini juga patut-lah Kerajaan menimbangkan ia-itu ambil Hotel² besar

saperti Merlin Hotel, Federal Hotel, Majestic Hotel, masokkan dalam daftar katakan this is recommended for Tourist, Hotel² itu kena-lah kita bagi kemajuan hendak-lah kita beritahu kapada pelanchong² dan di-Hotel itu juga hendak-lah ada kemudahan² untuk pelanchong² itu bertanya tempat² hendak makan angin mithal-nya di-Cameron Highlands. Jadi saya berchakap bersangkut dengan Hotel ini tertarek hati saya pada satu hari kami dudok di-Hotel Osaka yang mempunyai 12 tingkat tinggi-nya

Mr Chairman: Jangan panjangkan.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Pengerusi, berita ini bersangkutan dengan Menteri, pada satu hari saya dudok berbual² (*Ketawa*), dengan orang Australian dan orang Inggeris (*Ketawa*), saya bertanya bagaimana pandangan-nya terhadap negeri Jepun ini dengan negeri-nya. Kemudian kata-nya bagus, kata-nya lagi: look at those two girls, damn beautiful, saya pun terchengang, chantek bukan main saya terkejut, kata orang puteh itu pula: Yes, the Japanese are very smart. Orang Jepun ini memang pandai untuk memperdayakan orang² Australia (*Ketawa*). Jadi ini satu chara yang mereka mengambil perempuan² yang chantek itu supaya pelanchong² ini tertarek hati (*Ketawa*), dan lagi sa-waktu rombongan ini berjalan² naik bas di-Havata hendak menengok bagaimana bijeh itu di-buat di-Hokora, kemudian naik bas, di-dalam bas ini di-taroh-nya satu conductor perempuan yang chukup chantek rupa-nya. Saya terlupa nama dia (*Ketawa*). Agak-nya rakan saya . . .

Mr Chairman: Tidak mustahak-lah menchari nama-nya. (*Ketawa*).

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat telah mengambil nama-nya itu. Kemudian di-dalam masa berjalan² itu pada suatu pekan, kemudian menempuh bendang, dan menyanyi², ada yang menyanyi lagu Jepun, ada yang menyanyi lagi orang puteh dan lain lagi, kemudian rombongan kita itu terpaksa menyanyi pula, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara menyanyi dondang sayang (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, sa-benar-nya

saya cheritakan ini bukan-lah saya hendak menghiborkan Dewan ini dan tujuan saya untuk memberi peluang kepada Menteri ini yang meneliti-nya dan tujuan saya yang sa-benar-nya ia-lah membayangkan kepada Menteri yang baru ini bagaimana di-negeri Jepun sampai menggunakan perempuan² yang chantek untuk memikat pelanchong² yang datang dari luar. Jadi kalau di-negeri Jepun ada perempuan² yang chantek yang boleh menggalakkan pelanchong² dari Malaya ini datang ka-sana.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya dapati Dewan ini sudah dua hari dalam membincangkan Penyata Anggaran Belanjawan bagi tahun 1963 (*di-sampok*) ada Ahli² Yang Berhormat dalam hujah² menggunakan kaum wanita sa-bagai alasan ucapan-nya. Di-sini saya tidak-lah menyokong bagaimana tujuan Yang Berhormat dari Sungei Petani itu berchakap supaya kaum wanita ini di-umpamakan untuk memikat pelanchong² dari luar negeri (*Ketawa*) (*Tepok*).

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Pengerusi, saya bukan maksudkan begitu, kita bukan menggunakan perempuan itu, orang ini kita beri gaji untuk menggalakkan pelanchong² menengok dan mereka seronok dan datang kerap sendiri.

Bersangkutan dengan pelanchong ini juga kepada siapa pergi ka-Hongkong, tentu-lah tahu ada tempat yang bernama Aberdeen, di-sini ada Floating Restaurant. Jadi saya sangat tertarek hati di-mana saya lihat banyak nama² orang tertulis di-situ begitu juga nama² orang besar² yang ada pergi di-situ. Jadi, kalau kita hendak memakan ikan, makan ketam, sangat-lah menarek hati kepada pelanchong² itu. Jadi kalau siapa juga yang pergi ka-Hongkong tidak pergi ka-Floating Restaurant berma'ana-lah dia tidak pergi ka-Hongkong

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): On a point of order, 36 (1)
.

Mr Chairman: Duduk dahulu! Saya hendak terangkan ia-itu butir² yang di-

terangkan itu betul juga, tetapi panjang sangat menjadi perbandingan-nya. Chukup-lah satu dua masaalah itu sahaja. Saya tahu ia-lah supaya Kerajaan membuat sa-umpama itu di-Hongkong sana, tetapi oleh sebab masa terlampau pendek, saya harap Ahli Yang Berhormat berchakap-lah sa-beberapa yang ringkas.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap panjang lagi, tetapi kalau Tuan Pengerusi ta' beri, saya hendak berchakap dalam masa dua minit lagi. Jadi, saya menchadangkan supaya diadakan Floating Restaurant dalam garden kita di-sini ia-itu untuk menunjokkan, bukan sahaja kepada pelanchong² dari luar negeri, tetapi juga kepada orang² kita di-sini, umpama-nya orang² dari negeri Kedah, Kelantan, Trengganu dan juga tempat² yang jauh yang ta' biasa, atau ta' berpeluang pergi ka-Hongkong oleh kerana banyak perbelanjaan-nya, maka saya perchaya kalau di-adakan satu Floating Restaurant itu di-sini, ramai di-antara mereka itu akan datang melawat di-sini; oleh sebab di-sini ia-lah tempat tumpuan bagi orang ramai. Saya perchaya mereka akan berkata: Oh, ini dia Hongkong, sa-rupa juga di-sini, dan ini akan menggalakkan orang ramai datang melawat di-sini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana ramai lagi Ahli² Yang Berhormat yang hendak berchakap, saya fikir lebeh baik-lah saya duduk dahulu, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit dalam hal Industrial Development Division, item (52)—Secretary, Tariff Advisory Committee. Sa-bagaimana yang kita tahu bahawa sa-nya negeri Kelantan ada membuat kain batek dalam Tanah Melayu ini dan mengikut statistics pada tahun ini sudah lebeh dari satu juta hela kain puteh yang telah di-beri pertolongan oleh RIDA kepada pembuat² batek di-sana. Pendek kata, pada tahun lalu saya ada peluang membawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan kita menunjokkan kepada beliau tempat²

bagi perusahaan batek itu. Nampaknya Yang Berhormat Menteri itu sendiri telah tertarik hati dan sa-bagai-mana yang kita tahu boleh di-katakan bahawa sa-tiap penduduk dalam Kota Bharu atau bandar Kota Bharu ia-itu kawasan saya sendiri di-mana tiap² rumah tidak kurang ada dua tiga orang family yang tinggal di-situ yang mendapat pencharian kehidupan-nya daripada membuat kain batek, melukis kain batek yang di-namakan menyunting. Sa-bagaimana yang saya telah ketahui bahawa sa-nya tiap² sa-orang pada tiap² hari boleh mendapat wang sa-hingga sampai dua ringgit. Ada juga yang dapat tiga ringgit sa-hari bagi menyunting kain batek itu, dan mengikut statistics yang mana saya telah terangkan lebih dari satu juta hela kain puteh yang telah di-jadikan kain batek untuk di-export bukan sahaja kepada negeri (state) yang lain bahkan juga hingga sampai ka-Brunei dan Sarawak. Pendek kata ini-lah satu cottage industry yang sangat maju dan berkembang dengan sa-luas²-nya di-negeri Kelantan, tetapi baharu² ini nampak-nya perusahaan kain batek di-Kota Bharu ini telah dapat pukulan yang hebat daripada kain batek yang di-masokkan dari negeri Siam, dan banyak-lah kilang² kain batek Kelantan telah mengadu hal di-atas kerumitan dan kesusahan bagi menguruskan perusahaan mereka itu. Ada dua tiga kilang batek ini yang terpaksa menutup perusahaan mereka itu, kerana ada keen competition—perlumbaan yang hebat yang telah menimpa ka-atas mereka itu ia-itu kain² yang datang dari negeri Siam. Oleh sebab yang demikian, saya minta-lah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini supaya mengambil tindakan untuk di-kenakan protective tariff atau pun chukai yang dapat membela perusahaan ini supaya jangan-lah hendak-nya perusahaan ini mati, kerana dengan kematian perusahaan ini akan mengakibatkan berpuluh² ribu orang² kita di-sana akan menghadapi kesengsaraan hidup bagi mereka itu.

Kita tahu protection ia-lah satu policy yang di-jalankan oleh Kerajaan. Kita tengok Weaving Mill, Tampoi, Kerajaan telah meletakkan protective

tariff kerana kain² kilang mill itu. Baharu² ini pula Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meletakkan protective tariff ka-atas tea yang datang dari luar negeri seperti instant tea, essence of tea dan sa-bagai-nya dengan tujuan hendak memelihara perusahaan dalam negeri ini, kerana kalau sa-kiranya tidak di-kenakan protective tariff, ka-atas perusahaan luar negeri, maka sudah tentu perusahaan tea dalam Malaya akan mendapat kerugian yang besar yang harus dapat menghanchor-kan perusahaan dalam negeri ini. Dengan yang demikian Kerajaan Negeri juga akan mendapat kerugian yang besar.

Oleh sebab yang demikian, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri meletakkan "protective tariff" kepada kain² seperti kain batek yang masok dari luar negeri. Dengan policy ini baharu-lah dapat di-jaga dan diselamatkan perusahaan anak negeri ini.

Tuan Pengerusi, kita telah mendingar tadi ucapan Yang Berhormat dari Melaka Utara mengatakan dia telah melawat Kota Bharu dan dia tidak melihat apa² kelebihan tentang perdagangan dan perusahaan di-sana. Untuk pengetahuan Yang Berhormat itu saya suka menyebutkan ia-itu perusahaan² seperti kain batek, kilang minyak, kilang bata, pertukangan perak (silverworks), impot dan expot, konterektor² semua-nya terdiri daripada orang Melayu. Yang Berhormat itu tidak dapat melihat perusahaan² ini, boleh jadi seperti kata pepatah orang Inggeris: "Birds of the same feather flock together." Boleh jadi beliau pergi ka-sana melihat Taman Hiboran sahaja dan ta' dapat lihat . . .

Enche' Abdul Ghani bin Ishak:
Tuan Pengerusi, untuk penerangan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:
Saya tidak beri jalan. Kalau beliau itu perhatikan, semua perusahaan di-kekelolakan oleh orang Melayu. Saya dukachita sebab Yang Berhormat itu tidak dapat melihat perkara² itu.

Tuan Pengerusi, sa-perkara lagi yang saya suka hendak berchakap ia-lah tentang capital. Sa-bagaimana yang kita tahu perdagangan ada-lah bergantung

kapada capital dan pengetahuan teknikal. Kedua perkara ini ada-lah yang paling penting sa-kali. Orang Melayu ada sedikit sa-banyak experience dalam hal perdagangan dan perusahaan, tetapi satu soal yang besar yang mereka itu tidak dapat mengatasi-nya ia-itu modal (capital). Bangsa² lain dalam negeri ini dapat meminjam wang daripada Bank sa-bagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-itu \$600 juta lebih, tetapi orang Melayu tidak mendapat kemudahan daripada Bank². Orang Melayu chuma dapat satu sahaja peluang bagi mendapat modal ia-itu menerusi RIDA. Tetapi keterangan yang kita dengar daripada ahli pehak Kerajaan mahu pun pehak Pembangkang dalam Dewan ini ia-itu pinjaman yang di-beri oleh RIDA itu ada-lah sangat sedikit. Kalau sa-orang itu hendak pinjam \$10,000 dia di-beri pinjam chuma \$1,800 atau \$2,000. Saya telah mendapat aduan (complaint) dari ra'ayat ia-itu apabila mereka itu hendak meminjam daripada RIDA lambat dapat, kadang² perniagaan-nya sudah Bankrupt baharu-lah cheque daripada RIDA datang. Oleh sebab yang demikian, saya minta kapada Kerajaan mengadakan pertubohan² yang lain untuk orang Melayu meminjam seperti Malayan Industrial Development Finance, yang mana saya tahu Kerajaan sendiri telah memberi pertolongan wang berpuluh juta ringgit, tetapi apabila perniagaan Melayu membuat surat permintaan pinjaman wang tidak dilayan sama sa-kali. Ini-lah satu kesulitan yang besar yang di-hadapi oleh perniagaan Melayu pada masa sekarang ini.

Sa-lain daripada itu, saya hendak berchakap perkara smuggling. Kalau sa-kira-nya "protective tariff" di-letakkan bagi kain batek tentu-lah smuggling akan timbul dengan sa-luas²-nya. Oleh itu, Kerajaan hendak-lah mengambil langkah untuk menghapuskan smuggling supaya perusahaan kain batek dapat di-kawal.

Ada satu perkara lagi yang saya suka menarek perhatian ia-itu pada tahun yang lalu kita telah mendengar bahawa Kerajaan Jepun hendak meng-

hantar pakar ka-negeri ini dan hendak mendirikan pusat latehan dan pakar ini akan melateh dan mengajar orang Melayu di-dalam perusahaan seperti perusahaan rotan, buloh dan lain², yang mana barang² ini banyak dalam negeri kita ini. Dengan ada-nya pusat latehan ini, maka banyak-lah orang Melayu dapat belajar dan akan dapat satu daripada mata pencharian-nya, tetapi sampai sekarang ini Kerajaan belum membuat apa² langkah untuk mendirikan pusat latehan itu. Oleh sebab yang demikian, saya minta kapada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan mengadakan peruntokan bagi mendirikan pusat latehan itu, dan pakar² dari Jepun di-jemput ka-mari untuk melateh orang kita dalam lapangan perusahaan kecil di-tempat yang tersebut.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini. Saya hendak berchakap berkenaan dengan Malay Secretariat yang mana akan menumpukan sa-penoh tenaga bagi menolong peniaga Melayu. Malay Secretariat ini memang di-tunggu² dan di-nanti² oleh semua ahli peniaga Melayu yang sa-lama ini tidak ada tempat mengadu hal untuk memajukan perniagaan-nya supaya sa-tanding dengan ahli² peniaga yang ada dalam negeri ini. Sa-bagaimana yang kita sedia ma'alum tiap² negeri ini ada Dewan Perniagaan Melayu. Mereka ini membuat berbagai² langkah untuk memajukan perniagaannya, tetapi mereka itu tidak ada hubungan langsung dengan Kementerian ini, sebab pada masa itu belum ada Malay Secretariat untuk menguruskan soal yang sa-umpama itu. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan peniaga Melayu hendak-lah di-ambil perhatian. Saya minta Kementerian ini membuat penyiasatan yang rapi tentang keadaan peniaga Melayu yang ada pada hari ini; ada-kah bersangkutan dengan pengalaman, ada-kah bersangkutan dengan modal, ada-kah bersangkutan dengan sukatan masa yang di-buat kerana memandang keadaan tidak di-jangka atau di-agak orang

Melayu ini tidak layak berniaga sa-chara besaran²? Jadi sukatan bagitu boleh di-atasi maka baharu-lah boleh peniaga² Melayu maju terus ka-hadapan.

Perkara yang kedua Kementerian ini harus-lah memajukan pertubohan perusahaan dan perniagaan. Dengan chara itu baharu-lah Secretariat ini dapat berhubung terus untuk memajukan perdagangan. Sa-panjang yang saya tahu, pada masa ini banyak perusahaan² telah di-buka dalam Tanah Melayu dan membuka share² kepada orang² Melayu terutama sa-kali, tetapi ahli² peniaga itu tidak dapat mengikuti perkembangan-nya dan mereka tidak dapat masuk share kerana berhubung dengan kemasokan share ini tidak sampai dalam kampung². Jadi badan ini harap-lah dapat pehak yang berkenaan membuat perhubungan dengan pedagang² Melayu di-tiap² buah negeri.

Yang ketiga, berkenaan dengan latehan perniagaan. Tiap² tahun pehak RIDA telah menghantar beberapa orang ahli perniagaan ka-Kuala Lumpur untuk melateh orang² ini, tetapi apa yang kita tahu penghantaran itu di-lakukan kepada orang² yang tidak ada pengalaman langsung di-dalam perniagaan bahkan manakala mereka itu balek ka-kampung tidak ada benda yang dapat mereka amalkan dengan pengalaman mereka itu tetapi ini habis bagitu sahaja. Saya harap supaya tiap² orang yang mengambil kursus itu atau latehan perniagaan itu hendak-lah diberikan latehan kepada ahli² perniagaan.

Masaalah perniagaan² ini juga adalah bersangkutan dengan penganggoran. Jadi, saya mengalu²kan langkah dan sikap Kerajaan pada masa ini membuka peluang kepada perniagaan² dan perusahaan dari luar negeri membuka perusahaan dalam negeri ini. Mudahah² dengan ada-nya pembukaan kilang² dan perusahaan di-Tanah Melayu ini maka masaalah penganggoran terutama sa-kali kepada pemuda² Melayu akan dapat di-atasi. Saya suka menarek perhatian kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya ditumpukan perniagaan² itu pada tiap² negeri bukan hanya di-Ibu Kota ini

sahaja. Kita harus-lah mengambil langkah supaya dapat di-adakan pertubohan² perniagaan di-dalam tiap² buah negeri terutama sa-kali di-negeri² yang mundur. Mudahah² dengan ada-nya pertubohan² ini maka negara ini akan bertambah ma'amor dan ramai pula pelanchong² akan datang di-sini.

Perkara yang ke-empat saya suka sebutkan berhubung dengan masaalah pelanchong. Tanah Melayu sekarang telah bertambah banyak pelanchong² datang ka-negeri ini. Kerana negeri ini sa-lepas merdeka chukup mashor dan harum bau-nya kepada dunia dan mengatakan Tanah Melayu ini ada-lah sa-buah negeri yang baik dan elok pandangan-nya. Dengan sebab itu-lah saya dapat tahu beberapa buah negeri di-Tanah Melayu sedang mengadakan persiapan² bagi pelanchong² ka-negeri ini terutama sa-kali di-Kelantan dan di-Melaka. Di-bahagian utara Tanah Melayu apa yang saya tahu sa-lain daripada pelanchong² pergi ka-Pulau Pinang ada satu tempat lagi yang paling menarek hati ia-itu di-Pulau Langkawi atau Pulau Mashuri. Bila siap kelak jalan *Ulu Perang* yang akan memakan belanja 8 million ringgit yang menuju ka-Perlis itu maka jalan itu akan di-gunakan oleh pelanchong² melihat pandangan² yang sangat elok. Jalan yang dekat untuk ka-Pulau Langkawi ia-lah melalui Kuala Perlis. Sa-panjang jalan ka-Kuala Perlis itu ada-lah sangat mendukachitakan kerana bagi pehak Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan sangat banyak tetapi tidak dapat mengeluarkan hasil kerana keadaan sungai atau pun tepi² sungai itu tidak baik. Jadi harus-lah pehak Menteri yang berkenaan dapat memberi peruntukan sedikit untuk membaiki tempat tersebut supaya menarek perhatian bagi pelanchong² ka-sana.

Satu lagi perkara yang sangat mustahak saya suka sebutkan di-sini berhubung dengan perbelanjaan pelawat² daripada luar negeri ka-Padang Besar. Padang Besar ini satu pekan dalam negeri Perlis—di-antara Perlis dengan Thailand. Pendek kata, orang² yang pergi melawat ka-negeri Perlis mereka rasa kalau tidak dapat pergi

ka-Padang Besar maka tidak sampai-lah hajat mereka melawat keadaan² di-sana seperti *di-Changa*, *Sudi* dan lain² tempat yang sangat elok pandangan-nya. Sa-saorang boleh membayangkan keadaan Tanah Melayu sa-lepas merdeka dengan melawat ka-Padang Besar terutama sa-kali orang² dari negeri Thailand yang tidak tahu membaca dan menulis melihat Padang Besar tidak ada perubahan sejak dahulu sampai sekarang ini pada hal sa-tiap masa lebeh² lagi pada masa ini ada Keretapi Khas dan banyak pelanchong² menuju ka-sana.

Sa-lain daripada itu bandar ini tidak berubah yang merupakan sa-bagai pintu hadapan bagi Tanah Melayu. Tidak ada pandangan yang boleh didapati yang boleh menarek perasaan mereka yang pergi di-sana hanya sa-buah keretapi bersama di-antara Thailand dengan Malaya, dan sa-buah mesjid; sa-lain daripada itu tidak ada apa². Jadi saya harap pihak Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang berat bagaimana chara yang boleh menarek pelanchong². Terutama sa-kali saya minta kepada Menteri yang berkenaan supaya menyiasat ada-kah kemungkinan dapat mendirikan kilang perusahaan atau pun bangunan² seperti di-Petaling Jaya supaya menarek perhatian kepada pelanchong² itu melanchong di-sana. Tempat di-Padang Besar ada tempat yang elok hanya perlu di-baiki sahaja pada masa ini.

Perkara yang akhir yang saya suka sebutkan di-sini ia-lah mengenai bangsa Melayu. Sukachita saya mendengar ucapan yang di-datangkan dari pihak PAS terutama sa-kali wakil dari Dungun menyebutkan hal² perjuangan kebangsaan yang dia mengatakan pihak Perikatan tidak memperjuangkan Kebangsaan Melayu. Sukachita saya menerangkan bahawa UMNO ada-lah Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu, tetapi PAS—Parti Islam sa-Tanah Melayu. Jadi, masaalah Kebangsaan Melayu ini . . .

Mr Chairman: Itu tidak ada kena mengena dengan perbahathan kita ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Fasal memberi peluang berniaga kepada orang² Melayu.

Mr Chairman: Fasal perdagangan sahaja boleh di-bahathkan.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Saya sukachita menarek perhatian bahawa UMNO ada-lah Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu yang bertanggung-jawab kepada orang² Melayu dan kita berjuang tegas. Jadi, jangan-lah memikirkan bahawa Perikatan tidak banyak memperjuangkan Kebangsaan Melayu. Tetapi apa yang saya tahu pihak PAS tidak ada langsung dasar untuk memelihara bangsa Melayu hanya menuduh sahaja. Parti Islam sa-Tanah Melayu tidak berbuat apa² kepada orang Melayu, apa-kah hendak di-bangkit²kan hal orang Melayu? Nanti tidak-kah jauh hati orang² Melayu?

Mr Chairman: Saya sudah terangkan perkara itu tidak ada kena mengena dengan perbahathan ini. Jangan-lah sebutkan lagi hal itu. Di-hadapan kita sekarang ini ia-lah perkara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, jangan-lah bangkitkan lagi soal itu. Jemput.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Sekian, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Mr Chairman: Order! order! Time is now 6.30 p.m.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1963, has progressed up to Head S. 13 of the Schedule to the Bill. The Committee of Supply will resume tomorrow.

The House is now adjourned to 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.